

**EMOSI LELAKI DALAM NOVEL *TOMBIRUO:*  
*PENUNGGU RIMBA* KARYA RAMLEE AWANG  
MURSHID BERPANDUKAN TEORI KECERDASAN  
EMOSI**

**SITI AISYAH BINTI HASBULLAH**

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
KELANTAN  
2024



**Emosi Lelaki Dalam Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* Karya  
Ramlee Awang Murshid Berpandukan Teori Kecerdasan  
Emosi**

**Siti Aisyah Binti Hasbullah**

**C20A1422**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian  
daripada syarat memperolehi ijazah Sarjana muda  
Pengajian Warisan dengan kepujian  
(Kesusasteraan Warisan)**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
KELANTAN  
2024

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan Pelajar

Nama: Siti Aisyah binti Hasbullah  
No. Kad Pengenalan: 001211-03-0942  
Tarikh: 12 Februari 2024

Tandatangan Penyelia

Nama: Dr. Afidatul Syazwani Binti Afandi  
Tarikh: 20 Februari 2024

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah S.W.T Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, merafat rasa syukur ke hadrat ilahi dengan limpah kurnia-Nya yang telah memudahkan segala yang sulit hingga beroleh kejayaan dalam melaksanakan penyelidikan dengan tajuk kajian *Emosi Lelaki Dalam Novel Tombiruo: Penunggu Rimba Karya Ramlee Awang Murshid Berpandukan Teori Kecerdasan Emosi* dengan jayanya bagi memenuhi Syarat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian dalam jurusan bidang Kesusasteraan Warisan.

Pertama sekali ingin saya ucapkan setinggi-tinggi rasa syukur dan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya yang sering menitipkan doa agar beroleh kejayaan dalam penyelidikan ini. Seterusnya, dikesempatan ini saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kesusasteraan warisan selaku penyelia saya iaitu Dr. Afidatul Syazwani binti Afandi yang tidak mengenal erti penat dalam meluangkan masa bersama saya dan rakan seperjuangan bagi menambah baik hasil penulisan kami. Tidak lupa juga, sekalung penghargaan buat penulis Ramlee Awang Murshid kerana telah menghasilkan dan menerbitkan sebuah karya yang hebat iaitu *Tombiruo: Penunggu Rimba* bagi menyempurnakan kajian ini.

Akhir sekali, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang banyak menghulurkan idea dan juga pandangan serta sokongan dan nasihat sepanjang perjalanan saya menjayakan penyelidikan ini. Segala jasa dan pengorbanan yang dilakukan amatlah saya hargai dan kepada semua insan yang telah turut sama membantu menjayakan penyelidikan sama ada secara langsung atau tidak langsung dibalas kembali dengan kebaikan dari Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

**ISI KANDUNGAN**

<b>PERAKUAN</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	iii-viii
<b>ABSTRAK</b>	ix
<b>ABSTRACT</b>	x
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	1-17
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	3
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Skop Kajian dan Batasan Kajian	8
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.7.1 Individu	9
1.7.2 Masyarakat	10
1.7.3 Institusi	11
1.8 Definisi Operasional	12
1.8.1 Emosi	12
1.8.2 Novel	14
1.9 Organisasi Bab	15
1.10 Rumusan	17
<b>BAB 2: TINJAUAN LITERATUR</b>	18-34
2.1 Pengenalan	18
2.1.1 Tinjauan Literatur Berkaitan Emosi Watak Lelaki Dalam Karya Sastera	18
2.1.2 Tinjauan Literatur Berkaitan Novel Karya Ramlee Awang Murshid	21
2.1.3 Tinjauan Literatur Berkaitan Teori Kecerdasan Emosi	26
2.2 Rumusan	35

<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>	36-53
3.1 Pengenalan	36
3.2 Reka Bentuk Kajian	36
3.3 Kaedah Kajian	38
3.4 Proses Pengumpulan Data	39
3.5 Kaedah Analisis Data	40-51
3.5.1 Struktural	40
3.5.2 Teoritikal	41
3.6 Instrumen Kajian	52
3.7 Rumusan	53
<b>BAB 4: ANALISIS DAPATAN KAJIAN</b>	54-87
4.1 Pengenalan	54
4.2 Bentuk-Bentuk Emosi Watak Lelaki dalam Novel <i>Tombiruo Penunggu Rimba</i>	55-68
4.2.1 Marah	55
4.2.2 Sayang	56
4.2.3 Kecewa	57
4.2.4 Gembira	58
4.2.5 Sedih	59
4.2.6 Curiga	60
4.2.7 Tenang	62
4.2.8 Bersyukur	62
4.2.9 Yakin	64
4.2.10 Takut	65
4.2.11 Benci	66
4.2.12 Hairan	67
4.2.13 Malu	68

4.3 Kekerapan Bentuk-Bentuk Emosi Lelaki dalam Novel <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i> Dikaitkan Teori Kecerdasan Emosi Daniel Goleman	69-77
4.4 Kepentingan Bentuk-Bentuk Emosi Watak Lelaki dalam Penghasilan Teks Kesusasteraan	78-86
4.4.1 Emosi Sebagai Pembentuk Keperibadian Masyarakat	78
4.4.2 Emosi Sebagai Pendidikan Awal Pengelolaan Emosi	80
4.4.3 Emosi Sebagai Pengasah Kematangan Dalam Kemahiran Sosial	82
4.4.4 Emosi Sebagai Medan Komunikasi Antara Pengkarya Dan Khalayak	84
4.5 Rumusan	87
<b>BAB 5: PENUTUP</b>	88-99
5.1 Pengenalan	88
5.2 Hasil Perbincangan	88-91
5.3 Cadangan	92
5.3.1 Peranan Pengkarya Baharu	92
5.3.2 Peranan Penyelidik Dalam Hasil Penyelidikan	93
5.3.3 Peranan Dalam Pendidikan	94
5.3.4 Peranan Ibu Bapa	96
5.4 Implikasi Kajian	96-97
5.4.1.Individu	96
5.4.2 Masyarakat	97
5.4.3 Negara	97
5.5 Rumusan	98-99
Rujukan	100-103

<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>HALAMAN</b>
Rajah 1: Reka Bentuk Kajian	37
Rajah 2: Carta Alir Prinsip Kecerdasan Emosi Daniel Goleman	42
Rajah 3: Kerangka Teoritikal	51
Rajah 4: Carta Ringkas Berkaitan Prinsip Kecerdasan Emosi Daniel Goleman Memfokuskan Kecekapan Sosial	69
Rajah 5: Kekerapan Penggunaan Bentuk-Bentuk Emosi Dalam Novel <i>Tombiruo Penunggu Rimba</i>	71

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

<b>SENARAI GAMBAR</b>	<b>HALAMAN</b>
Gambar Rajah 1: Buku Novel Tombiruo: Penunggu Rimba	40
Gambar Rajah 2: Keratan Akhbar Digital Utusan Malaysia	79
Gambar Rajah 3: Keratan Akhbar Digital Sinar Harian	81
Gambar Rajah 4: Keratan Akhbar Digital Utusan Malaysia	83
Gambar Rajah 5: Keratan Akhbar Digital Berita Harian	85

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

**SENARAI JADUAL**

**HALAMAN**

Jadual 1: Hasil Dapatan Kekerapan Bentuk-Bentuk Emosi Dalam  
Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba*

74-77



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

**EMOSI LELAKI DALAM NOVEL *TOMBIRUO: PENUNGGU RIMBA* KARYA  
RAMLEE AWANG MURSHID BERPANDUKAN TEORI KECERDASAN  
EMOSI**

**SITI AISYAH BINTI HASBULLAH C20A1422**

**ABSTRAK**

**Abstrak:** Kajian bertujuan untuk menganalisis serta merungkai bentuk-bentuk emosi lelaki menerusi novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* hasil penulisan Ramlee Awang Murshid dengan bersandarkan teori kecerdasan emosi Daniel Goleman. Kajian ini juga memfokuskan pada watak lelaki dan dikhususkan lagi kepada penekanan terhadap watak utama novel tersebut. Sejajar dengan novel pilihan yang mengangkat golongan lelaki yang mendominasi menerusi kronologi penceritaan tersebut. Kekerapan penggunaan bentuk emosi yang dilihat dari perspektif prinsip kecerdasan emosi ini turut dirungkai peratusan penggunaan enam emosi yang disenaraikan oleh Daniel Goleman menerusi kemahiran sosial. Antara enam emosi tersebut adalah marah, sedih, sayang, takut, gembira, dan malu. Penyelidikan ini juga telah menganalisis kepentingan penggunaan bentuk-bentuk emosi dalam penghasilan sesebuah karya sastera yang dilihat memberi impak kepada golongan pembaca secara tidak langsung. Keberhasilan penyelidikan ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah kepustakaan, laman sesawang dan analisis teks serta penggunaan teori Kecerdasan Emosi Daniel Goleman dalam merungkai konteks novel tersebut dengan penerapan Prinsip Kecerdasan Emosi. Hasil dapatan kajian ini, memperlihatkan bahawa penggunaan bentuk-bentuk emosi memainkan peranan yang penting agar ketersampaian jalan cerita dapat diterima dengan jelas oleh pembaca. Secara keseluruhan emosi marah dilihat lebih mendominasi berbanding lima emosi lain kerana tema yang dibawa serta kronologi penceritaan yang berasaskan rasa dendam yang tersimpan.

Kata kunci: emosi lelaki, kecerdasan emosi, kemahiran sosial, Daniel Goleman

**MALE EMOTIONS IN THE NOVEL *TOMBIRUO: PENUNGGU RIMBA* BY  
RAMLEE AWANG MURSHID GUIDED BY EMOTIONAL INTELLIGENCE  
THEORY**

**SITI AISYAH BINTI HASBULLAH C20A1422**

**ABSTRACT**

**Abstract:** The study aims to analyze and unravel the forms of male emotions through the novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* written by Ramlee Awang Murshid based on Daniel Goleman's theory of emotional intelligence. This study also focuses on the male character and is further focused on the emphasis on the main character of the novel. In line with the chosen novel that elevates the dominant male group through the chronology of the narration. The frequency of use of emotional forms seen from the perspective of the principle of emotional intelligence is also broken down by the percentage of use of the six emotions listed by Daniel Goleman through social skills. Among the six emotions are anger, sadness, love, fear, happiness, and shame. This research has also analyzed the importance of the use of emotional forms in the production of a literary work which is seen to have an impact on the readers indirectly. The success of this research was carried out by using a qualitative approach with library methods, website and text analysis as well as the use of Daniel Goleman's theory of Emotional Intelligence in unraveling the context of the novel with the application of the Principles of Emotional Intelligence. The results of this study show that the use of emotional forms plays an important role so that the story line can be clearly accepted by the reader. Overall, the emotion of anger is seen to be more dominant than the other five emotions because of the themes brought along as well as the chronology of the narration based on stored revenge.

Keywords: male emotions, emotional intelligence, social skills, Daniel Goleman

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Pada bahagian pendahuluan, pengkaji akan merungkai beberapa perkara penting dimana merangkumi keseluruhan teks kajian ini. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan menyentuh secara keseluruhan tentang aspek-aspek yang akan dikaji. Antara perkara yang akan dipaparkan adalah latar belakang kajian, objektif kajian, persoalan kajian, permasalahan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Selain daripada itu, bagi pelaksanaan kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kajian analisis tekstual dengan penerapan teoritikal dimana pengkaji menggunakan novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* hasil penulisan Ramlee Awang Murshid bagi merungkai kecerdasan emosi yang difokuskan pada watak utama lelaki.

Meneliti kajian yang dilakukan ini akan merungkai emosi yang terkandung dalam novel pilihan serta dianalisis hubung kait antara keduanya dengan Teori Kecerdasan Emosi dari Daniel Goleman (1995). Umum mengetahui kehadiran emosi dalam diri seseorang merupakan sesuatu yang natural. Akan tetapi sifat natural yang dihadirkan dalam diri manusia mampu mengubah perilaku seseorang kepada sesuatu yang positif dan negatif. Sehubungan dengan itu, kecerdasan emosi dilihat penting dalam mendidik tindak balas serta daya rangsangan emosi sejajar dengan situasi yang dilalui oleh setiap individu. Dengan cara ini, pemahaman berkenaan kecerdasan emosi dapat dipraktikkan sekaligus meningkatkan pemahaman yang rasional dalam kalangan masyarakat.

Oleh hal yang demikian, kesedaran terhadap kepentingan kecerdasan emosi dalam diri setiap individu telah diberi penekanan. Menerusi artikel hasil penulisan Ong Sze Chong et. al (2013: 13), Goleman (1999) menyatakan bahawa kecerdasan emosi diperlukan dalam diri seseorang bagi mengenali dan menilai perasaan diri dan individu di sekeliling supaya tindak balas ekspresi dapat di tunjukkan dengan baik. Sehubungan dengan itu, ketersampaian maklumat menerusi penggunaan tenaga emosi tersebut dapat dimanfaatkan dalam kehidupan dan pekerjaan sehari-hari setiap individu.

Selain daripada itu, Habibah dan Noran Fauziah (2002) memberi taktifan terhadap kecerdasan emosi dengan menyifatkan kecerdasan emosi sebagai keseluruhan optimistik, fleksibel, realistik dan kejayaan individu tersebut dalam menyelesaikan masalah serta menangani tekanan tanpa hilang kawalan. Pernyataan tersebut memberi makna terhadap kecerdasan emosi dimana kemampuan individu menghadapi masalah disertakan emosi yang cerdas dapat menangani dengan baik. Dengan cara ini, permasalahan berkaitan kesihatan mental dapat dibendung dengan kemantapan kecerdasan emosi.

Emosi juga memberi impak yang besar dalam kehidupan setiap individu lebih-lebih lagi apabila imaginasi digambarkan dari kronologi penceritaan yang dihasilkan dalam karya sastera. Justeru itu, Mersino Anthony (2007) mengambil kata-kata menerusi The American Heritage dictionary mengenai maksud emosi, iaitu:

*A mental state that arises spontaneously rather than through conscious effort and is often accompanied by physiological changes; a feeling: the emotions of joy, sorrow, reverence, hate and love.*

(Mersino Anthony, 2007:20)

Meneliti petikan di atas, menerangkan tentang mental berlaku secara spontan serta di bawah sedar. Perubahan pada fisiologi dan perasaan seperti emosi gembira, sedih, rasa hormat, benci dan juga cinta diperlihatkan menerusi keadaan mental ini. Pandangan dari sarjana ini dapat dirumuskan bahawa, emosi merupakan perasaan yang hadir hasil daripada tindak balas fisiologi hingga memperlihatkan kepelbagaian bentuk perasaan mengikut situasi yang berlaku di sekeliling individu tersebut.

## 1.2 Latar Belakang

Latar belakang kajian memperlihatkan kesinambungan antara kecerdasan emosi dan kesusasteraan telah diperlihatkan dari tahun 1960-an lagi serta dianggap sebagai sebuah kepercayaan menurut pandangan dari bidang falsafah, psikologi dan bidang sains. Hal ini demikian kerana, pembaca akan mengamati karya-karya kesusasteraan dengan emosi pada setiap jalan penceritaan. Menurut Othman Puteh (2001:5) salah satu elemen penting yang perlu ada dalam penghasilan novel adalah konflik dalam kronologi penceritaan. Hal ini disebabkan oleh, penulis perlu menyisipkan tekanan pada watak utama untuk mengalami kekecewaan, penderitaan dan pelbagai ancaman berbahaya bagi mewujudkan konflik yang baik. Penyataan dari sarjana ini telah menegaskan bahawa pentingnya kewujudan emosi dalam sesebuah karya sastera menerusi watak dan aspek psikologi supaya hasil penulisan lebih kukuh, meyakinkan dan memberi impak kepada para pembaca.

Umumnya, novel merupakan sebuah prosa melayu moden dimana hasil penulisan sesebuah karya tersebut akan dicetak menggunakan mesin pencetak.

Sehubungan dengan itu, perkembangan penulisan novel di Malaysia berada di tahap yang membanggakan. Namun begitu, *genre* yang diterapkan tidak divariasikan dalam penghasilan sesebuah karya tempatan. Hal ini demikian berlaku kerana, penulis hanya menumpukan terhadap permintaan masyarakat yang lebih menggemari hasil penulisan yang berunsurkan genre Romantik. Situasi ini menyebabkan penerbitan novel *genre thriller* kurang diterbitkan di Malaysia. Namun begitu, minat Ramlee Awang Murshid terhadap *genre thriller* serta menjadikan penulisan negara luar sebagai inspirasi dalam penghasilan kronologi dalam karyanya tersendiri mendapat tempat dalam kalangan pembaca. Oleh hal yang demikian, sedia maklum bahawa penulis Ramlee Awang Murshid telah dinobatkan sebagai Penulis Novel *Thriller* No.1 di Malaysia dengan karya-karya agungnya seperti Cinta Sufi, Satu Janji, Hatiku di Harajuku, Magis, Laksamana Sunan dan lain-lain.

Beliau telah menghasilkan ratusan novel dengan kronologi penceritaan yang mengagumkan sekaligus menaikkan nama Malaysia dalam pembikinan karyanya. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah memilih karya ramlee awang murshid yang banyak memaparkan emosi dalam penghasilan plot penceritaan dalam novel beliau. Novel yang dipilih berjudul “*Tombiruo: Penunggu Rimba*” mengisahkan tentang kepercayaan masyarakat Sabah terhadap semangat hutan yang dimiliki oleh seorang lelaki dipertanggungjawabkan untuk menjaga hutan dari sebarang kerosakan. Akan tetapi pelbagai konflik yang berlaku telah mengejutkan hutan yang selama ini tenteram dan damai kini telah menunjukkan rasa amarah hutan tersebut terhadap manusia yang merosakkan hutan.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Umum mengetahui, sejak dahulu lagi perbincangan berkaitan “*Emotional Intelligence*” sering dibahaskan. Namun begitu, kebanyakkan perbahasan serta kajian dilakukan ke atas kaum wanita sejajar dengan watak dan perwatakan yang ada di dalam sesebuah teks sastera atau profileman. Namun demikian, segelintir masyarakat yang mempunyai pemikiran bahawa golongan lelaki kurang mengekspresikan emosinya, begitu juga didalam pembikinan watak sesebuah karya sastera.

Hal ini demikian menjadi punca permasalahan kajian dek kerana persepsi dan pemikiran masyarakat terhadap golongan lelaki. Hal ini dapat dilihat apabila golongan lelaki disifatkan kuat, tidak menangis dan tabah. Walhal, golongan lelaki juga merupakan insan yang memiliki hati perasaan yang menjurus kepada. Menerusi statistik hasil kajian yang dilakukan oleh Ong Sze Chong et. al (2013:18) mendapati bahawa min skor kecerdasan emosi diklasifikasikan sebagai rendah iaitu 3.72 berbanding min skor bagi perempuan adalah 3.75 berada pada paras keyakinan.

Tambahan pula, golongan lelaki seringkali menolak perkara-perkara yang melibatkan unsur dalaman. Hal ini demikian kerana, perkara tersebut akan menjelaskan keegoan seseorang lelaki. Perkara dalaman seperti keseimbangan emosi lelaki lazimnya menidakkan perkara yang berunsurkan hati, perasaan, pergolakan dalaman, konflik dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilakukan bagi memaparkan serta menghuraikan bentuk-bentuk emosi yang dimainkan oleh watak lelaki dari novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* hasil penulisan Ramlee Awang Murshid berdasarkan teori kecerdasan emosi yang digagaskan oleh Daniel Goleman.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

- i. Apakah bentuk-bentuk emosi watak lelaki dalam novel *Tombiruo: Penunggu Rimba*.
- ii. Adakah prinsip kemahiran sosial memperlihatkan kesinambungan dengan kekerapan bentuk-bentuk emosi watak lelaki dalam novel *Tombiruo: Penunggu Rimba*.
- iii. Apakah kepentingan bentuk-bentuk emosi dalam pembikinan teks kesusasteraan.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

### 1.5 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti bentuk-bentuk emosi lelaki dalam novel *Tombiruo: Penunggu Rimba*.
- ii. Mengkaji kekerapan bentuk-bentuk emosi lelaki dalam novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* kesinambungan antara prinsip kemahiran sosial.
- iii. Menganalisis kepentingan bentuk-bentuk emosi dalam pembikinan teks kesusasteraan.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## 1.6 Skop Kajian Batasan Kajian

Pengkaji telah memilih sebuah novel dari hasil karya Ramlee Awang Murshid yang berjudul *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Pengkaji telah memilih sebuah teks bagi melakukan penyelidikan ke atas kecerdasan emosi watak lelaki. Sehubungan dengan itu, pengkaji menggunakan novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* yang dicetak semula pada tahun 2015 iaitu cetakan ke lima belas. Menerusi kajian yang dilakukan, pengkaji mengetengahkan isu berkaitan aspek kecerdasan emosi dengan mengkhususkan watak lelaki sebagai fokus utama kajian. Hal ini bertujuan untuk melihat bagaimana golongan lelaki mengendalikan emosinya dalam pelbagai situasi.

Kaedah metodologi kajian yang digunakan adalah pendekatan kualitatif dengan kaedah penganalisisan teks (*narrative*), kaedah kepustakaan dan penggunaan laman sesawang bagi mendapatkan . Selanjutnya, kelompok yang menjadi sasaran pengkaji adalah watak dan perwatakan yang dimainkan oleh golongan lelaki antara kedua-dua novel. Hal ini demikian kerana, sejajar dengan fokus kajian yang dilakukan oleh pengkaji ke atas kedua buah novel Ramlee Awang Murshid dimana penggunaan jantina lelaki sebagai watak utama.

## 1.7 Kepentingan Kajian

### 1.7.1 Individu

Kajian ini dapat memberi pemahaman baharu tentang kecenderungan pengkarya dalam memartabatkan karya kesusasteraan. Hal ini demikian kerana, dengan adanya kajian berkenaan sesebuah teori memberi kritikan terhadap sesebuah penulisan teks sastera, sasterawan serta pengkarya kesusasteraan lebih cakna dengan hasil penulisan mereka dalam penghasilan kronologi penceritaan novel khususnya. Hal ini bertujuan untuk menjaga serta mempertahankan seni penulisan kesusasteraan agar pemahaman serta pendedahan ilmiah dapat diterapkan dalam penulisan khususnya kepada penulis baharu. Dengan penyisipan emosi dalam sesebuah karya akan memperlihatkan keberkesanan teknik penyampaian kepada pembaca lebih berkesan sekaligus menarik minat para pembaca.

Manakala, dari sudut pandang individu iaitu pembaca novel tegar itu sendiri akan mendapat manfaat daripada hasil kajian ini. hal ini diperkatakan sedemikian kerana, dengan penelitian individu terhadap kajian ini dapat memberi kefahaman tentang kewujudan aspek kecerdasan emosi dalam kronologi sesebuah penceritaan novel tersebut. Dengan kefahaman yang mendalam berkenaan dengan kecerdasan emosi individu dalam mengklasifikasikan bentuk-bentuk emosi yang terdapat menerusi hasil pembacaannya. Sehubungan dengan itu, individu akan lebih cakna dengan cara serta implikasi dalam mengekspresikan emosi hasil daripada pengajaran dari pembawakan watak menerusi novel-novel tersebut.

Dengan wujudnya kajian berkaitan dengan kecerdasan emosi ini dapat memberi pengamatan kepada pengkarya-pengkarya baru dalam menghasilkan karya ulung yang lebih berkualiti dalam masa yang sama mampu mendidik khalayak menerusi hasil penulisan yang baik.

### 1.7.2 Masyarakat

Dari perspektif masyarakat pula, dapat membuka mata masyarakat setempat mengenai status penulisan di Malaysia. Selain itu, membuka mata serta mengasah pemikiran terhadap bagaimana kecerdasan emosi seseorang dibentuk dalam penghasilan karya seterusnya di terapkan di dalam watak dan perwatakan penceritaan tersebut. Justeru itu, menarik minat pembaca untuk mengetahui kepelbagaian *genre* selain yang menjadi kebiasaan masyarakat iaitu *genre* romantik. Sehubungan dengan itu, seseorang itu juga dapat mengetahui peranan teori serta penerapan teori terhadap sesebuah karya.

Sejajar dengan itu, di peringkat komuniti pula dapat melahirkan kelompok yang memiliki emosi tahap kecerdasan emosi yang tinggi khususnya dalam sesebuah organisasi kawasan tersebut. Oleh hal yang demikian, komuniti minda cerdas ini mampu bergerak dalam sebuah organisasi yang teratur sekaligus memperlihatkan jiwa kepimpinan dalam kebijaksanaan membuat keputusan dan menerima pandangan pihak lain. Dengan cara ini, kesefahaman serta gerak kerja dalam sesebuah komuniti atau masyarakat dapat dilaksanakan dengan baik dan rasional.

### 1.7.3 Institusi

Dari sudut dunia pendidikan pula, penerapan mengenai kesinambungan antara teori dan kemantapan hasil sesebuah karya dapat dipaparkan menerusi artikel yang dihasilkan oleh pengkaji. Hal ini demikian kerana, dengan cara menerapkan pengetahuan berkenaan kehadiran bentuk kecerdasan emosi dalam sesebuah karya dapat memberi sudut pandang baharu dalam meneliti kronologi penceritaan yang ingin disampaikan. Sehubungan dengan itu, penggunaan komponen kecerdasan peribadi yang dinilai dari kedua dua buah novel terpilih memberi pemahaman baharu tentang bagaimana setiap individu mengenali emosi, mengurus emosi dan memotivasi kendiri. Oleh itu, pembaca dapat mengaitkan hasil pembacaan terhadap dirinya sendiri.

Selain daripada itu, institusi-institusi khususnya di peringkat universiti ini dapat memberi cambahan idea baharu bagi golongan belia yang masih mentah dalam bidang penulisan serta ingin menghasilkan karya pertamanya. Dengan adanya kajian berkenaan dengan kepentingan bentuk-bentuk emosi dalam penghasilan karya kesusastraan dapat memberi ideologi serta strategi dalam menyusun kronologi penceritaan dengan penyisipan bentuk-bentuk emosi ke dalam hasil penulisan. Hal ini akan melahirkan karya yang mampu disifatkan kualiti dari segi ketersampaian pembacaan malah memberi santapan ilmiah kepada para pembaca dalam membentuk kecerdasan emosi kendiri.

## 1.8 Definisi Operasional

### 1.8.1 Emosi

Umumnya emosi merupakan sebuah bentuk ekspresi yang dilontarkan melalui perbuatan yang melibatkan penggunaan fizikal dan mental seseorang. Sejajar dengan itu, kepentingan emosi ini telah mendapat perhatian sarjana barat dalam melakukan penyelidikan yang lebih dalam berkenaan dengan implikasi serta pengaruh emosi terhadap individu. Justeru itu, lahirlah pelapor kepada teori-teori berkenaan dengan emosi dari beberapa sarjana barat.

Oleh hal yang demikian, menerusi pandangan sarjana iaitu Schachter Singer memberi takrifan bahawa emosi tidak dizahirkan atas faktor fisiologis semata. Namun demikian, beliau berpendapat bahawa manusia mempunyai proses tertentu terhadap sesebuah hal hingga menzahirkan interpretasi pada penggunaan emosi sama ada dari sudut emosi yang positif atau emosi yang memberi gambaran negatif.

Disamping itu, ideologi berkenaan emosi dari sudut pandang James-Lange pula memberi takrifan bahawa penzahiran emosi ini timbul apabila adanya reaksi psikologi terhadap individu tersebut. Teori emosi yang dipelopori oleh James-Lange ini membawa takrifan emosi sebagai hasil perubahan atau input yang membawa perubahan pada badan sekaligus berfungsi menghantar respon dari rangsangan yang berlaku pada anggota badan mengikut situasi yang dialaminya. Tambahan pula, menurut teori James-Lange ini memperlihatkan empat langkah dalam menzahirkan sesebuah emosi. Antara langkahnya, bermula dengan mentafsir suatu peristiwa mengikut situasi yang dihadapinya, langkah

kedua dimana impuls bergerak dari sistem saraf pusat menghantar ke otot, kemudian kulit dan organ lainnya. Langkah ketiga pula, rangsangan yang menyebabkan perubahan pada pada bahagian tubuh di alirkan kembali kepada otak. Langkah terakhir, kemudian impuls yang sudah sampai ke otak akan difahami serta ditafsir oleh otak. Sementelahan itu, berlakunya reaksi yang menzahirkan emosi bagi menjadi penggerak sesuatu perkara.

Meneliti pandangan Daniel Goleman berkenaan dengan kecerdasan emosi memberi satu pemahaman yang lebih dalam menerusi bukunya *Working with Emotional Intelligence* (1999). Sehubungan dengan itu, menerusi penulisannya Daniel Goleman memperkenalkan model kecerdasan emosi dengan mengkalsifikasikan kepada dua komponen kecerdasan emosi iaitu kecekapan peribadi dan kecekapan sosial. Sehubungan dengan itu, kecekapan peribadi dipecahkan kepada tiga aspek iaitu mengenali emosi kendiri, menguruskan emosi kendiri, memotivasi diri. Manakala kecekapan sosial pula terdiri daripada empati dan kemahiran sosial. Tambahan pula, prinsip Kemahiran sosial memberi penekanan terhadap bentuk-bentuk emosi yang disenaraikan oleh Daniel Goleman. Antara emosi tersebut adalah marah, sedih, sayang, takut, malu dan gembira.

Setelah meneliti beberapa pandangan sarjana barat mengenai takrifan serta komponen dalam pembentukan emosi, pengkaji mengambil pandangan dari sarjana barat iaitu Daniel Goleman bagi melakukan penyelidikan ini.

### 1.8.2 Novel

Novel merupakan salah satu medium yang digunakan bagi menghubungkan masyarakat dengan penyampaian mesej berkenaan dengan nilai-nilai budaya, pendidikan, sosial dan moral. Sehubungan dengan itu, novel membawa takrifan sebagai cerita dalam bentuk prosa yang panjang serta kompleks dan sarat dengan pengalaman serta kelakuan sosial manusia (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, 2005).

Di samping itu, novel juga merupakan sebuah karya sastera yang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat kerana hasil cetakkan dan edaran yang meningkat tinggi. Adenan, Kayad & Daud (2018) memberi takrifan bahawa novel merupakan sebuah penceritaan yang dibukukan dan dianggap sebagai sebuah karya fiksyen kerana hadinya penyisipan imaginatif pengarang dalam penghasilan karyanya.

Memandangkan novel merupakan salah satu alat perhubungan dalam berkomunikasi antara masyarakat yang melibatkan penyisipan bentuk-bentuk emosi sebagai elemen keberkesanan penyampaian mesej dengan pengaplikasian pendekatan teori iaitu Teori Kecerdasan Emosi oleh Daniel Goleman. Oleh sebab itu, novel dikategorikan sebagai medium komunikasi secara bertulis kerana melibatkan penulisan kreatif dan bukan penyampaian secara lisan kepada khalayak. Namun demikian, konteks yang disisipkan melalui penulisan novel banyak memperlihatkan wacana kemasyarakatan yang meliputi aspek sosial, pendidikan, ekonomi, agama dan politik yang diperhati dalam kehidupan masyarakat (Jamin & Subet, 2018).

## 1.9 Organisasi Bab

Dalam kajian ini telah dibahagi kepada beberapa bahagian bagi menjayakan proses penyelidikan dengan lancar dan sistematik.

### Bab 1

Bab satu merangkumi pendahuluan yang memberi penerangan berkenaan dengan tajuk kajian yang akan dirungkai dengan lebih mendalam. Bahagian pendahuluan ini meliputi pengenalan, latar belakang, penyertaan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian, definisi operasional, organisasi bab dan rumusan.

### Bab 2

Bab dua pula merangkumi tinjauan literatur hasil penelitian terhadap sorotan kajian lepas melalui pelbagai sumber bagi memperoleh maklumat tambahan serta rujukan terhadap tajuk kajian pengkaji. Antaranya, kajian mengenai emosi watak lelaki, kajian terhadap karya Ramlee Awang Murshid dan kajian berkenaan dengan Teori Kecerdasan Emosi Daniel Goleman (1995).

### Bab 3

Pada bahagian bab tiga iaitu metodologi, pengkaji memfokuskan kepada kaedah kajian yang digunakan bagi memperoleh data-data penting. Pada bahagian ini juga pengkaji akan memberi perdedahan berkenaan dengan reka bentuk kajian, proses pengumpulan data, kaedah analisis data dan merumuskan perihal metodologi.

## Bab 4

Bab empat pula, pengkaji memberi penekanan terhadap perbincangan bagi menjawab setiap persoalan dan objektif kajian ini. Antaranya, pengkaji akan merungkai setiap satu emosi yang dipaparkan oleh watak lelaki bagi memenuhi objektif pertama. Kemudian, pengkaji akan memperincikan emosi enam emosi yang disenaraikan oleh Daniel Goleman serta melihat perkaitan antara prinsip kecerdasan emosi. Seterusnya, objektif terakhir pula pengkaji menerangkan tentang kepentingan emosi dalam teks kesusasteraan.

## Bab 5

Bab terakhir ini akan merumuskan hasil perbincangan yang telah dijalankan oleh pengkaji pada bab empat. Sementelah itu, pengkaji juga akan memberi cadangan berkenaan dengan isu yang diketengahkan daripada tajuk pengkaji. Selain itu, implikasi kajian serta rumusan daripada penyelidikan yang dilakukan turut diberikan bagi menyimpul segala ulasan dari pengkaji.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 1.10 Rumusan

Tuntasnya, pada bahagian ini pengkaji menerangkan tentang fokus utama pengkaji menjalankan penyelidikan. Selain daripada itu, penerangan merangkumi aspek kepentingan kajian ini dijalankan turut dipaparkan. Sehubungan dengan itu, pemilihan teori yang pengkaji gunakan sesuai dengan pemilihan teks yang dikarang oleh Ramlee Awang Murshid. Selain daripada itu, pengkaji turut mengkhususkan kajian kepada watak utama dan diperincikan lagi dengan pemilihan watak lelaki sahaja. Oleh hal yang demikian, pengkaji ingin melihat status kecerdasan emosi watak lelaki yang disisipkan melalui kronologi penceritaan teks pilihan. Namun demikian, pengkaji turut menggunakan dua buah teks bagi menghasilkan sebuah kajian perbandingan dimana pengkaji ingin merungkai bagaimana penulis yang sama menghasilkan jalan cerita yang berbeza namun menggunakan genre yang sama serta penggunaan watak utama sebagai watak lelaki. Oleh itu, bagaimana ketersampaian watak lelaki dengan pembawaan emosi mengikut jalan penceritaan.

## BAB 2

### TINJAUAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Pada bahagian kedua, pengkaji akan menerangkan tentang tinjauan literatur yang dijadikan bahan rujukan dalam penghasilan kajian tersebut. Tinjauan literatur merupakan satu bahan ilmiah yang lengkap dan bersifat teoritikal. Oleh hal yang demikian, tinjauan literatur merupakan elemen penting dalam penghasilan kajian ini kerana menjadi sumber pemahaman kepada pengkaji. Justeru itu, pengkaji telah memperincikan kepada tiga pecahan utama iaitu, tinjauan literatur berkaitan novel yang dikaji *Tombiruo: Penunggu Rimba* dari Ramlee Awang Murshid, tinjauan literatur berkenaan watak lelaki sebagai fokus utama kajian menerusi teks pilihan dan tinjauan literatur mengenai teori yang pengkaji gunakan iaitu Teori Kecerdasan Emosi Danial Goleman (1995).

#### 2.1.1 Tinjauan Literatur Berkaitan Emosi Watak Lelaki dalam Karya Sastera

Selain itu, menerusi artikel yang dihasilkan oleh Maznida Mahadi (2019) berjudul *Kecerdasan Emosi Lelaki Dalam Novel-Novel Terpilih Anwar Ridhwan dan Haruki Murakami: Kajian Perbandingan*. Meneliti hasil penulisan beliau yang menumpukan jantina lelaki dalam kronologi penceritaan novel terpilih bagi mengkaji kecenderungan kecerdasan emosi watak lelaki Melayu dan Jepun. Antara objektif utama yang ingin

disampaikan dalam artikel ini adalah untuk mengenal pasti bentuk-bentuk emosi, menganalisis kecerdasan emosi, melakukan perbandingan tahap kecerdasan emosi watak lelaki antara dua novel pilihan. Sehubungan dengan itu, hasil dari penyelidikan yang dilakukan dari artikel ini mendapati penemuan terhadap kesesuaian refleksi kecerdasan emosi yang dimainkan oleh watak-watak lelaki dari novel tersebut menepati objektif kajian serta prinsip yang dibawa oleh Daniel Goleman. Oleh itu, artikel ini telah membuktikan bahawa kecerdasan emosi golongan lelaki dari Malaysia (melayu) dan Jepun memiliki bentuk emosi yang setara.

Selain daripada itu, terdapat juga kajian lepas mengenai penyelidikan watak lelaki. Justeru itu, Yien Hsia Ten & Yan Chuan Seng (2013) telah menghasilkan sebuah artikel yang bertajuk *Kajian Latar Belakang Pengarang Yang Berkaitan dengan Interpretasi Watak-Watak Lelaki dalam Fiksyen Jilin Chunqiu*. Menurut artikel tersebut, terdapat banyak kajian di dalam penulisan artikel lebih cenderung ke arah feminism sekaligus mengetepikan peranan watak-watak lelaki dalam sesebuah karya sastera. Oleh hal yang demikian, artikel ini melakukan penelitian terhadap latar belakang serta pengalaman hidup pengarang, termasuk juga golongan lelaki yang berada sezaman dengannya bagi memerhati sikap negatif mereka. Hal ini bertujuan untuk melihat kebarangkalian pengarang tersebut mempunyai persepsi negatif terhadap pembikinan watak lelaki disebabkan oleh golongan lelaki yang hidup sezamannya dengannya. Persepsi-persepsi buruk ini merupakan salah satu proses dalam pembikinan plot penceritaan dalam menghidupkan watak-watak lelaki dalam cerita fiksyen tersebut.

Seterusnya, Nur Husnina Kamaruddin (2019) turut melakukan penyelidikan tentang watak lelaki dalam artikelnya yang bertajuk *Kecerdasan Emosi Watak Lelaki Menerusi Novel Syabab Musafir Kasih: Karya Fatimah Syarha*. Artikel ini menyasarkan objektif seperti mengenal pasti bentuk-bentuk emosi dan menganalisis model kecerdasan emosi (MKE). Pengkaji menggunakan lima komponen yang dipelopori oleh Daniel Goleman iaitu mengenali emosi diri, mengurus emosi, memotivasi diri, empati dan membina hubungan. Kajian artikel ini juga menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpul segala data bagi melengkapkan kajian tersebut dengan harapan dapat memberi sumbangan terhadap bidang kesusastraan warisan di Malaysia.

Maznida Mahadi & Tengku Intan Marlina (2018) telah menulis artikel memfokuskan watak lelaki yang bertajuk *Perbandingan Dominasi Bentuk Emosi Lelaki dalam Novel Penyeberang Sempadan Dengan Kafka on The Shore*. Kajian ini dilakukan berdasarkan pemerhatian terhadap penghayatan watak lelaki ketika berhadapan dengan permasalahan. Dari pemerhatian tersebut dapat dilihat bagaimana kecenderungan golongan lelaki dalam memberi refleksi terhadap kecerdasan emosinya. Artikel ini menyelidik berpandukan bentuk-bentuk emosi yang telah disenaraikan oleh Daniel Goleman iaitu sedih, marah, ketakutan, keseronokan, kasih sayang/cinta, dan malu. Oleh hal yang demikian, dapat dirumuskan dari kedua-dua novel tersebut bahawa watak protagonis lelaki menonjolkan emosi sedih secara produktif.

### 2.1.2 Tinjauan Literatur Berkaitan Novel Karya Ramlee Awang Murshid

Namun demikian, tinjauan literatur berkenaan novel yang dikarang oleh Ramlee Awang Murshid turut dijadikan sumber rujukan. Maharam M. (2005) menulis artikel Tentang *Isu-Isu Alam Sekitar Dalam Sastera: Analisis Novel Ramlee Awang Murshid*. Fokus utama penyelidikan di dalam artikel ini adalah unsur alam yang dijadikan elemen penting bagi membedah kronologi penceritaan yang diatur oleh penulis novel tersebut. Dapat dikonklusikan dari artikel ini adalah unsur alam yang di maksudkan bukan sahaja untuk menghidupkan latar tempat bahkan ianya turut berfungsi sebagai memperkuuhkan tema serta jalan penceritaan sebagai perlambangan, pemikiran pembaca malah menjadi unsur semiotik dimana kebijaksanaan pembaca dalam berimajinasi serta mentafsir sesbuah babak penceritaan tersebut.

Selanjutnya, Sudirman Kifli dan Nurul Afini Roslin (2021) dengan tajuk artikelnya *Elemen-Elemen Adaptasi Dalam Filem Tombiruo: Penunggu Rimba (TPR)*. Artikel ini melakukan kajian ke atas salah sebuah novel yang dikarang oleh Ramlee Awang Murshid dengan menfokuskan elemen dalam penghasilan sesebuah filem adaptasi dilakukan dengan menerapkan pendekatan Linda Hutcheon (2006). Sehubungan dengan itu, terdapat empat aspek yang dititikberatkan dalam kajian ini adalah sumber dan cara adaptasi, tujuan adaptasi, kumpulan atau penonton sasaran dan konteks. Dapat dirumuskan dari kajian artikel ini bahawa keempat-empat elemen tersebut didapati ada di dalam penghasilan adaptasi filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* yang pada asalnya adalah karya penulisan tekstual Ramlee Awang Murshid.

Di samping itu, artikel yang ditulis oleh Hani Sakwah Yaakup (2018) yang berjudul *Tombiruo: Adaptasi Novel ke Filem Dan Representasi Kepercayaan Setempat*. Artikel ini menfokuskan serta mengangkat budaya setempat dengan merungkai kepercayaan yang disisipkan melalui novel Tombiruo hasil penulisan Ramlee Awang Murshid. Selain itu, kajian ini juga dilihat menerusi kemenjadian watak dan perwatakan serta elemen naratif yang ada di dalam kronologi penceritaan tersebut. Sehubungan dengan itu, dengan adanya kajian yang lebih mendalam mengenai sebuah novel yang berlatar belakangkan kisah benar atau budaya serta mitos masyarakat setempat, kepercayaan tersebut tidak akan hilang ditelan zaman. Menurut novel Ramlee Awang Murshid Tombiruo mengisahkan tentang mitos masyarakat pendalaman Sabah akan kewujudan semangat hutan.

Seterusnya, Nazirah Ismail, Alif Redzuan, Normaliza Dan Kamariah (2020) menerusi artikelnya yang bertajuk *Elemen Latar Dalam Novel Thriller Legasi Tombiruo*. Artikel ini dilakukan tentang wacana dalam novel thriller. Objektif utama artikel ini adalah mengenal pasti dan membincangkan salah satu elemen konteks dalam wacana. Kajian tersebut menggunakan pendekatan kualitatif serta menganalisis data menggunakan kaedah pengekodan. Oleh hal yang demikian, hasil daripada kajian artikel tersebut menunjukkan penggunaan bahasa dalam novel Legasi Tombiruo berjaya menghidupkan latar tempat dalam penghasilan kronologi penceritaan novel tersebut.

Selain daripada itu, hasil penulisan Nur Afifah Abdullah et. al (2021) berkenaan novel Ramlee Awang Murshid dengan tajuk artikelnya *Hubungan Alam dan Manusia dalam Filem Tombiruo: Penunggu Rimba*

(2017). Artikel ini memberi fokus terhadap kepentingan menjaga kesejahteraan dan keseimbangan antara alam dan kehidupan manusia. Hal ini demikian kerana, menerusi filem adaptasi karya Ramlee Awang Murshid ini memperlihatkan kegiatan manusia yang tidak bertanggungjawab hingga membangkit amarah penunggu hutan tersebut. Sehubungan dengan itu, bagi mencapai objektif utama kajian tersebut dengan mengaplikasikan pendekatan ekosentrisme yang digagas oleh Aldo Leopold (1949). Seterusnya, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian secara tekstualiti melalui buku, jurnal dan akhbar. Rumusan keseluruhan artikel mendapati bahawa, isu pemeliharaan antara manusia dan ekosistem memaparkan kesinambungan dalam menjamin kesejahteraan alam.

Menerusi artikel hasil penyelidikan Mumtaz Farhani et. al (2022) bertajuk *Unsur Estetika Bahasa yang Terdapat dalam Novel Magis Karya Ramlee Awang Murshid*. Artikel ini berpaksikan kepada unsur bahasa dengan pengaplikasian Teori Puitika Sastera Melayu. Sehubungan dengan itu, dengan adanya penyelidikan berkaitan unsur estetika bahasa dapat memberi kesedaran kepada pembaca bertapa pentingnya unsur ini dalam sesebuah penulisan sekaligus dapat membuka mata para pengkaji. Selain daripada itu, dalam menghasilkan kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dengan menerapkan kaedah kepustakaan serta pemerhatian ke atas teks pilihan iaitu Magis karya Ramlee Awang Murshid bagi memperoleh serta mengumpul data-data penting bagi pelaksanaan penyelidikan. Tuntasnya, dari hasil pembacaan artikel ini, dapat dirumuskan bahawa keberhasilan pengkaji dalam membuktikan bahawa

unsur estetika bahasa mampu menzahirkan ekspresi serta emosi pembaca sekaligus dapat mendidik pembaca kepada pembentukan bina insan.

Di samping itu, meneliti hasil penulisan oleh Balakrishnan A/L Arumugam (2020) dengan tajuk artikel yang dihasilkan *Unsur Eufemisme dalam Novel Ranggau*. Artikel ini mengulas tentang jenis-jenis unsur eufemisme dalam novel *Ranggau* karya Ramlee Awamg Murshid. Bagi proses pengumpulan data pengkaji menggunakan pendekatan Allan dan Burridge (1991) dengan kaedah penganalisisan teks bagi tujuan merungkai jenis-jenis eufemisme yang disisipkan dalam teks terpilih. Sehubungan dengan itu, hasil penelitian ke atas teks tersebut pengkaji telah menemui beberapa jenis eufemisme iaitu konotasi negatif, penggantian serta bahasa kiasan. Namun demikian, di penemuan akhir meliputi keseluruhan penyelidikan pengkaji telah membuktikan bahawasanya konotasi negatif merupakan jenis eufemisme menunjukkan kekerapan tertinggi menerusi novel *Ranggau*. Dengan adanya kajian ini, dapat dijadikan panduan dalam menghasilkan karya-karya sastera seterusnya melahirkan hasil penulisan yang berkualiti.

Justeru itu, Mohd Nazri Latiff (2015) dengan penyelidikannya yang bertajuk *East Meets West: The Reader Responds Theory in Thriller Fictions*. Artikel ini memfokuskan berkenaan dengan persamaan dan perbezaan terhadap penulis terkenal Malaysia dan Amerika iaitu Ramlee Awang Murshid dan Sidney Sheldon berpandukan *Reader Response Theory* (RRT) serta strategi kedua dua penulis dalam menarik minat pembaca untuk menghayati hasil penulisan mereka. Hal ini demikian kerana, kedua dua penulis dijadikan objek utama pengkaji disebabkan penghasilan karya yang

dilakukan menggunakan *genre* yang sama iaitu thriller. Sehubungan dengan itu, kritikan terhadap hasil karya kedua dua novel ini di perhatikan melalui pendekatan kualitatif kaedah penganalisisan teks. Melalui hasil penyelidikan ke atas kedua- dua penulis dengan hasil penulisan mereka, pengkaji mendapat bahawa penerapan gaya yang berbeza serta bahasa kiasan yang digunakan bagi memberi kesan “*thriller mood*” kepada pembaca. Gaya yang penulis terapkan masing-masing memberi kesan dan berjaya menghidupkan ekspresi menakutkan ketika pembaca menghayati perjalanan cerita tersebut.

Selain itu, kajian berkaitan karya Ramlee Awang Murshid semakin giat dilakukan antaranya hasil penulisan artikel oleh Halimah Mohamed Ali (2014) yang bertajuk *Cinta Sufi dan Dakwah Ramlee Awang Murshid: Pengaruhnya Terhadap Pembaca*. Artikel ini membuat penelitian ke atas bagaimana dakwah itu disampaikan dan sejauh mana ketersampaian dakwah itu terhadap pembacanya. Sehubungan dengan itu, pengkaji Halimah Mohamed Ali (2014) mentakrikan dakwah sebagai suatu perbuatan serta tindakan mahupun melalui pertuturan oleh mana-mana individu dengan tujuan untuk menyebarluaskan fahaman berkaitan ajaran agama Islam. selain daripada itu, pengkaji turut menganalisis sejauh manakan kesan yang dirasai oleh pembaca terhadap dakwah yang ingin disampaikan oleh pengkarya. Natijahnya, dari penelitian keseluruhan artikel mendapat bahawa penulis novel *Cinta Sufi* iaitu Ramlee Awang Murshid memberi kesan-kesan yang positif terhadap pembacanya.

### 2.1.3 Tinjauan Literatur Berkaitan Teori Kecerdasan Emosi Daniel

#### Goleman (1995)

Menerusi kajian yang dilakukan oleh Galuh Dilah Kurnia dan Azizatuz Zahro' (2021) bertajuk *Kecerdasan Emosional Tokoh Perempuan Muslimah dalam Novel Assalamualaikum Beijing Karya Asma Nadia*. Kajian tersebut bertujuan bagi merungkai tahap kecerdasan emosi wanita melalui tiga aspek utama iaitu kemampuan mengelola emosi, kemampuan memotivasi diri dan kemampuan membina hubungan. Oleh hal yang demikian, kemampuan mengelola emosi merujuk kepada bagaimana seseorang individu mengendalikan serta mengatasi emosi cemas dan sedih. Selain itu, kemampuan memotivasi diri apabila individu melihat masalah yang dihadapi dirinya sebagai motivasi lantas memberi manfaat pada individu tersebut. Aspek ketiga pula, interaksi sesama manusia dalam mengeratkan hubungan, mempertahankan hubungan serta memelihara hubungan yang dibina. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan penganalisisan data mengenai kecerdasan emosi wanita melalui novel terpilih.

Justeru itu, meneliti hasil artikel dari Suprihatma (2021) berjudul *Kecerdasan Emosional dalam Karya Fiksi Asma Nadia: Cacatan Hati Seorang Isteri*. Kajian ini meliputi lima aspek iaitu mengenali emosi diri, mengelola emosi, memotivasi diri, mengenali emosi individu disekeliling dan membina hubungan. Kajian tersebut menumpukan watak utama dari novel cacatan hati seorang isteri bagi meneliti kelima-lima aspek bagi memperlihatkan kecerdasan emosi watak tersebut. Pengkaji menggunakan

kaedah kualitatif serta teknik pengumpulan data serta penganalisisan interaktif yang dikembangkan oleh Miles dan Huberman. Hasil dari kajian yang dilakukan ini, dapat disimpulkan bahawa wujudnya ekspresi kecerdasan emosi menerusi novel Cacatan Hati Seorang Isteri iaitu kecerdasan peribadi.

Di samping itu, terdapat juga artikel yang membahaskan tentang kecerdasan emosi daripada Baitul Rohmah, V. Teguh Suharto dan Agung Nasrulloh Saputro (2022) dengan tajuk artikel yang dihasilkan iaitu *Kecerdasan Emosi Hanum dalam Novel “I am Sarahza” karya Hanum S.R dan Rangga A.* kajian ini mengambil tokoh penulis novel iaitu Hanum S.R tentang bagaimana penghasilan novelnya memberi impak elemen kecerdasan emosi dalam hasil karyanya. Sehubungan dengan itu, artikel ini menyasarkan kajian berkaitan kecerdasan emosi dalam menghadapi konflik yang berlaku dalam kronologi penceritaan novel tersebut. Selain daripada itu, hasil penelitian terhadap artikel ini, terdapat empat belas bentuk berkaitan kecerdasan emosi Hanum dalam kehidupan sehariannya dan dua puluh kecerdasan emosi yang mempunyai hubungan dengan cara Hanum menangani konflik yang berlaku pada Novel I am Sarahza. Sementelah itu, artikel ini menggunakan kaedah kualitatif dalam menganalisis sesebuah emosi dalam hasil kajiannya.

Selain daripada itu, Noor Laili Faizah dan Sri Oemiaty (2020) menerusi artikelnya yang bertajuk *Kecerdasan Emosi Tokoh Totto Chan Dalam Novel Madogiwa No Totto Chan Karya Tetsuko Kuroyanagi Menurut Teori Goleman.* Artikel ini bertujuan ingin mengkaji kecerdasan emosi tokoh dalam menghasilkan penulisannya melalui novel tokoh

tersebut. Sehubungan dengan itu, hasil daripada kajian artikel ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat tujuh elemen kecerdasan emosi yang ditonjolkan oleh tokoh Totto Chan menerusi penulisan novelnya. Antara tujuh elemen yang dimaksudkan adalah keyakinan untuk berjaya sangat tinggi, sentiasa berusaha mengetahui dan mencuba perkara baru, watak utama merancang dengan baik dan tidak putus asa untuk mencapai matlamat apabila berniat untuk melakukan sesuatu, yang utama watak mempunyai kawalan diri dalam menyesuaikan keinginannya dengan tuntutan yang persekitaran, watak utama mempunyai hubungan yang sangat tinggi dengan orang lain orang di mana watak utama dapat memahami situasi mereka dan syarat, watak utama berkomunikasi dengan baik, utama watak boleh bekerjasama dengan orang lain.

Tambahan pula, terdapat juga artikel yang dihasilkan oleh Wan Norlidza (2015) berjudul *Kecerdasan Emosi dalam Novel Remaja*. Artikel ini mengkaji tentang komponen kecerdasan emosi yang terdapat dalam kronologi penceritaan novel terpilih serta mengkhususkan golongan remaja sebagai kajian. Terdapat tiga objektif utama yang ingin dirungkai iaitu mengenal pasti komponen kecerdasan emosi pada watak-watak yang terdapat dalam teks kajian, menganalisis kecerdasan emosi pada watak protagonis remaja berdasarkan Model Kecerdasan Emosi (MKE) dan kepentingan kecerdasan emosi terhadap pembentukan sahsiah. Oleh hal yang demikian, dapat dirumuskan dari artikel ini jelas membuktikan bahawa komponen kecerdasan emosi memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk sahsiah dalam kalangan golongan remaja seperti yang diaspirasikan oleh negara.

Selanjutnya, artikel yang dipetik dari hasil penulisan Ely Manizar (2016) yang berjudul *Mengelola Kecerdasan Emosi*. Artikel ini menyentuh tentang proses pembelajaran yang diperhatikan dari sudut kecerdasan emosi pelajar dalam mengekspresikan emosi positif maupun negatif. Selain itu, turut diterangkan mengenai teori-teori emosi dari Walgito (1997) iaitu teori sentral, teori periferal dan teori keperibadian. Sehubungan dengan itu, kematangan emosi turut dibahaskan serta di perincikan tahap kematangan individu dapat dikawal dan mampu diterima secara sosial, pemahaman diri dan menggunakan kemampuan mental. Kajian artikel ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan meneliti hampir 100 orang pelajar dengan IQ tinggi.

Selain daripada itu, Saparwadi & Ahmad Sahrandi (2021) telah melakukan kajian mengenai kecerdasan emosi di dalam hasil penulisan artikel mereka yang bertajuk Mengenal *Konsep Daniel Goleman Dan Pemikirannya dalam Kecerdasan Emosi*. Antara persoalan yang menjadi penelitian penulisan artikel ini adalah bagaimana struktur konseptual kecerdasan emosi yang diperkenalkan oleh Daniel Goleman? Bagaimana konsep kritikan dari kecerdasan emosi yang dipelopori oleh Daniel Goleman? Penelitian ini memberi rumusan bahawa pada dasarnya, teori kecerdasan emosi telahpun wujud sebelum Daniel Goleman menguar- uarkan konsep kecerdasan emosi menurut pemikirannya. Penulis artikel ini turut menggunakan pendekatan *Library research* serta menganalisis data menggunakan kaedah *content analysis*.

Di samping itu, menerusi penulisan artikel hasil penulisan Ivan Riyadi (2015) yang berjudul *Integrasi Nilai-Nilai Kecerdasan Emosi dalam*

*Kurikulum Pendidikan Agama Islam di SMA: Perspektif Daniel Goleman.*

Artikel ini dilakukan kerana timbulnya rasa penting akan kecerdasan emosi dalam membentuk perilaku siswa dengan penerapan pendidikan agama islam. Sehubungan dengan itu, kajian ini meneliti menggunakan pendekatan *Library Research* bagi melihat kecerdasan emosi serta kemampuan mengenali diri, mengelola emosi, empati dan kesanggupan membina hubungan sosial. Secara rumusnya, artikel ini merungkai tentang pentingnya kecerdasan emosi dalam diri kalangan pelajar serta mengaitkan dengan Pendidikan agama Islam (*Islamic education*) bagi melihat kesinambungan antara kedua dalam keutuhan serta kecenderungan dalam membina kecerdasan emosi seseorang.

Justeru, menyelami hasil penulisan yang dikarang oleh Angelesta Senja Arenda, Tienn Immerry & Femmy Dahlan (2020) yang berjudul *Kecerdasan Emosional Tokoh Kitto Aya dalam Novel I Rittoruno Namida*. Artikel ini membahaskan tentang rentetan kronologi daripada penceritaan novel terpilih dimana kepentingan kecerdasan emosi ketika diuji dengan penyakit *Spinocerebellar Ataxia*. Sehubungan dengan itu, watak dan perwatakan yang ditonjolkan memberi impak dalam mengekspresikan sifat positif dan negatif. Hasil kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif serta kaedah deskriptif. Namun demikian, dapat kita lihat bahawa emosi memainkan peranan yang penting dalam menjayakan penghasilan serta pembawakan sesebuah karakter dalam penghasilan kronologi penceritaan tersebut. Dengan cara ini, pembaca dapat merasai sendiri kehadiran emosi dalam sesebuah watak menerusi jalan cerita yang baik oleh pengkarya.

Menerusi artikel hasil penulisan Mohammed Issah (2018) yang berjudul *Change Leadership: The Role of Emotional Intelligence*. Artikel ini menrungkai berkenaan dengan perbezaan perspektif dari kelima-lima komponen kecerdasan emosi iaitu mengenali emosi diri (*self-awareness*), mengendali emosi diri (*self-regulation*), memotivasi diri (*self-motivation*), empati (*empathy*) dan kemahiran bersosial (*social skills*). Dengan pemahaman mendalam berkenaan setiap satu komponen kecerdasan emosi ini dapat meneliti tentang bagaimana kecerdasan emosi dapat mengubah sifat kepimpinan seseorang. Hal ini menjurus kepada fokus utama penyelidikan ini dalam aspek kepimpinan dalam membina serta membentuk sesebuah komuniti bagi membawa perubahan dan mengatasi rintangan. Tuntasnya, pengkaji merumuskan bahawa dengan didikan awal terhadap kepimpinan di masa akan datang dengan penyisipan kecerdasan emosi dapat melahirkan insan berjiwa pemimpin yang berkesan.

Selain daripada itu, Ivett Guntersdofeer dan Irina Golubeva (2018) dengan hasil penulisan artikelnnya yang bertajuk *Emotional Intelligence and Intercultural Competence: Theoretical Questions and Pedagogical Possibilities*. Artikel ini memfokuskan tentang kepentingan antara teori sinergi dengan “*emotional intelligence*” (EI) dengan merangkumkan lima komponen kecerdasan emosi menerusi pemahaman Daniel Goleman iaitu mengenali emosi diri (*self-awareness*), mengendali emosi diri (*self-regulation*), memotivasi diri (*self-motivation*), empati (*empathy*) dan kemahiran bersosial (*social skills*). Penyelidikan ini mendapati bahawa terdapat perbahasan mengenai kepentingan meletakkan kecerdasan emosi sebagai aspek utama antara budaya dalam pembelajaran serta komunikasi.

Selain itu, penyelidikan ini juga menekankan salah satu daripada komponen kecerdasan emosi iaitu empati dalam kalangan individu.

Seterusnya, artikel yang bertajuk *Emotional Intelligence and Its Relationship with Levels of Social Anxiety and Stress In Adolescents* hasil penulisan Javier Cejudo et. al (2018). Artikel ini menjelaskan berkenaan dengan hubungan antara kecerdasan emosi dan kepelbagaian lumrah dalam diri remaja sebagai contoh stres dan trauma dalam aktiviti sosial. Sehubungan dengan itu, perbezaan antara stres dan “*social anxiety*” yang memaparkan fungsi tersendiri dalam kecerdasan emosi turut di analisis. Namun demikian, hasil penyelidikan ini merumuskan bahawa wujud nilai positiviti dalam hubungan antara kecerdasan emosi dan sifat kendiri dalam kalangan remaja. Tuntasnya, kecerdasan emosi dalam kalangan remaja perlulah diterapkan supaya dapat mengendalikan emosi dengan stabil bersesuaian dengan situasi yang berlaku.

Selain daripada itu, Alifia Wahyuni dan Ari Susandi (2021) dengan tajuk penyelidikannya *Kontribusi Pendidikan Islam dalam Menumbuhkan Kecerdasan Emosional*. Artikel ini telah menjalankan penyelidikan merangkumi konsep kecerdasan emosi menurut pandangan Islam serta penyusunan strategi dalam memupuk pemahaman pendidikan Islam dengan menyisipkan elemen kecerdasan emosi. Hasil [enyelidikan ini menggunakan kaedah kepustakaan (*Library Research*) dimana buku-buku serta teks ilmiah, jurnal dan artikel dijadikan bahan bagi memperoleh data bagi merungkai permasalahan yang dikenal pasti. Selain daripada itu, permasalahan yang dikesan meliputi bagaimana konsep kecerdasan emosi dirungkai menurut pandangan Islam. Hal ini demikian kerana, bagi meneliti

kesinambungan antara pemahaman Islam dan juga aspek atau penekanan yang diberikan melalui pandangan Daniel Goleman menerusi ideologi kecerdasan emosi.

Di samping itu, artikel bertajuk *Kecerdasan Emosional dalam Perspektif Al-Quran* hasil penulisan Bagas Ilham dan Muhammad Juliansyah (2022). Artikel ini memberi fokus kepada kajian teks ilmiah iaitu Al-quran dengan mencari perkaitan serta kesinambungan dengan pemahaman Daniel Goleman terhadap aspek penting dalam kecerdasan emosi. Sehubungan dengan itu, kajian ini mengutip data-data terkumpul dengan kaedah kepustakaan (*Library Research*) dimana pengkaji hanya menumpukan secara terperinci tentang kandungan dalam Al-quran dengan memetik keluar ayat serta makna dalam surah tertentu. Di akhir penelitian ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa kecerdasan emosional menurut pandangan Al-quran adalah kemampuan seseorang dalam kemampuannya mengawal serta mengendalikan segala tindakan hatinya sesuai dengan situasi yang dilalui berlandaskan hukum-hakam Islam. Terbuktilah bahawa dengan gabungan penerapan kecerdasan emosi dengan pemahaman Al-quran dapat mendidik hati ke atas membina moral insan yang baik dalam diri seseorang.

Menerusi artikel hasil penulisan Juwari (2018) yang berjudul *Kontruksi Kecerdasan Emosional Tokoh Utama dalam Novel Negeri di Ujung Tanduk Karya Tere Leye*. Artikel ini memfokuskan tentang penemuan bentuk-bentuk kecerdasan emosi serta konflik yang pelbagai dalam teks terpilih. Antara bentuk-bentuk kecerdasan emosi yang digunakan bagi merungkai permasalahan yang terdapat dalam kajian yang

dilakukan adalah mengenali emosi diri (*self-awareness*), mengendali emosi diri (*self-regulation*), memotivasi diri (*self-motivation*), empati (*empathy*) dan kemahiran bersosial (*social skills*). Selain itu, kajian ini menggunakan hasil penelitian kualitatif dengan kaedah kepustakaan dalam pengumpulan maklumat bagi merungkai serta membawa kepada pembuktian di hujung hasil kajian ini.

Justeru itu, artikel dari Shoni Rahmatullah Amrozi (2019) yang bertajuk *Pemikiran Daniel Goleman dalam Bingkai Pembaharuan Pendidikan Islam di Indonesia*. Artikel ini memfokuskan tentang bagaimana pemahaman Daniel Goleman dapat melengkapi ajaran pendidikan Islam sekaligus melakukan pembaharuan hasil daripada gabungan pemahaman kecerdasan emosi dalam mendidik individu khususnya masyarakat di Indonesia melalui ajaran Islam. Hal ini demikian kerana, bagi masyarakat Indonesia sudah menjadi kewajipan mereka dalam menjaga rakyatnya dalam mencerdaskan kehidupan bangsa merupakan salah satu daripada tujuan negara Indonesia. Oleh hal yang demikian, idea pembaharuan dalam pendidikan Islam telah diketengahkan dengan penyesuaian konsep pemikiran Daniel Goleman berkenaan dengan Kecerdasan Emosi (*Emotional Intelligence*).

Selain itu, hasil kajian yang dilakukan oleh Ovi Arieska et. al (2018) dengan tajuk penulisannya *Pengembangan Kecerdasan Emosional (Emotional Quotient) Daniel Goleman Pada Anak Usia Dini dalam Tinjauan Pendidikan Islam*. kajian ini dilakukan bertujuan untuk merungkai tahap kecerdasan emosi (EQ) menerusi ideologi Daniel Goleman di fokuskan pada kanak kanak usia setahun jagung dalam tinjauan pendidikan

Islam. hal ini demikian kerana, isu yang diperlihatkan melalui kajian ini adalah pentingnya penyisipan kecerdasan emosi dalam kalangan kanak-kanak agar dapat mengendalikan emosi dengan baik. Berbanding kanak-kanak yang tidak diterapkan pemahaman berkaitan kecerdasan emosi dilihat sukar untuk memenuhi aspek mengendali emosi kendiri dengan merembeskan sifat amarah. Hal ini membuktikan bahawa pentingnya didikan awal terhadap kanak-kanak supaya dapat melahirkan masyarakat yang lebih berfikiran rasional.

## 2.2 Rumusan

Sebagai kesimpulan, terdapat banyak pengkaji yang menggunakan teori kecerdasan emosi daripada Daniel Goleman sebagai topik berbincangan dan perbahasan terhadap sesebuah karya sastera yang mempunyai unsur kecerdasan emosi. Tuntasnya, kajian ini bertujuan untuk merungkai sejauh manakah aspek kecerdasan emosi yang dimainkan oleh watak dan perwatakan lelaki ini berkesan terhadap jiwa pembaca melalui rentetan penceritaan babak demi babak yang dihasilkan oleh penulis Ramlee Awang Murshid. Sehubungan dengan itu, kajian ini dapat membidas tanggapan sesetengah individu terhadap kecenderungan watak lelaki dalam mengekspresi kecerdasan emosi bagi penghasilan jalan cerita yang menarik dan bombastik. Sejajar dengan itu, kajian ini selari dengan perkembangan karya sastera yang kini perlu lebih proaktif dalam pembikinan jalan cerita dengan menyisipkan watak lelaki berbanding watak wanita supaya keseimbangan emosi dapat diterapkan dalam sesebuah penghasilan karya sastera.

## BAB 3


### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Pada bahagian ketiga, pengkaji akan menerangkan berkenaan dengan metodologi kajian. Umum mengetahui, setiap kajian yang dilakukan perlulah disertakan dengan kaedah serta pendekatan yang digunakan bagi memperolehi data yang tepat dan bersumber. Seterusnya data tersebut akan dianalisis mengikut klasifikasi yang sudah di tetapkan mengikut objektif kajian tersebut. Menurut AS Hornby (1980), menyatakan bahawa metodologi merupakan satu pengkaedahan terhadap kajian ilmiah yang dilakukan menepati matlamat yang direncanakan.

#### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian pula, pada dasarnya terbahagi kepada dua bentuk iaitu kualitatif dan kuantitatif. Namun demikian, menurut Sulaiman Masri (2003) mentakrifkan reka bentuk kajian sebagai sebuah perancangan yang menentukan cara penyelidikan bagi merungkai permasalahan kajian yang dilakukan. Sehubungan dengan itu, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif bagi menyelidik berkaitan kecerdasan emosi terhadap watak lelaki dengan menggunakan kaedah penganalisisan teks, kaedah kepustakaan dan laman sesawang:



Rajah 1: Rajah Reka Bentuk Kajian

Rajah di atas merupakan carta alir metodologi yang menerangkan berkenaan dengan rangka kerja bermula dengan tajuk kajian yang telah dibincangkan dan disetujui. Kemudian, penerokaan sorotan kajian lepas berkenaan dengan tajuk kajian serta dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu kajian lepas tentang karya Ramlee Awang Murshid, kajian lepas tentang isu watak lelaki dalam kajian penyelidikan dan kajian literatur tentang Teori Kecerdasan Emosi Daniel Goleman (1995). Selain itu, setelah isu berkaitan tajuk kajian diperoleh seterusnya pengkaji mengenal pasti permasalahan kajian dan berikutnya membentuk persoalan kajian yang membawa kepada pembentukan objektif kajian yang ingin pengkaji lakukan. Seterusnya, pengkaji membentuk rangka kajian dengan menggunakan pendekatan kualitatif serta menggunakan tiga kaedah iaitu kaedah penganalisisan teks, kaedah kepustakaan dan kaedah laman sesawang. Akhir sekali, kajian dijalankan

dengan permulaan proses iaitu pengumpulan data yang merangkumi proses bacaan (memoing), penerangan data dan analisis data.

### **3.3 Kaedah Kajian**

#### **3.3.1 Kaedah Kepustakaan**

Bagi memenuhi objektif utama kajian ini, pengkaji menggunakan keadah kepustakaan (*Library research*) bagi mengumpul data-data kajian, bahan rujukan dan maklumat yang berketerpadatan dengan teori yang pengkaji gunakan. Hal ini bertujuan bagi memperkuuhkan penghujahan yang dilontarkan serta kemantapan analisis kajian yang dilakukan. Selain daripada itu, pemerolehan data diambil dari sumber rujukan yang berunsurkan ilmiah seperti rujukan buku-buku, tesis tempatan dah luar negara, jurnal serta sumber lain seperti majalah atau kamus dewan. Bahan-bahan ilmiah ini dirujuk melalui perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan di Kampus Bachok.

#### **3.3.2 Kaedah Laman Sesawang**

Kaedah laman sesawang digunakan bagi memperoleh maklumat tambahan sebagai pengukuh hujah yang diberikan. Sebagai contoh, penggunaan “*google scholar*” yang digunakan dengan meneliti artikel yang telah dinilai terlebih dahulu hasil penyelidikannya. Selain itu, pengkaji juga merujuk artikel teniat yang dikeluarkan oleh Universiti Malaysia Kelantan bagi menghasilkan sebuah kajian yang berdasarkan panduan yang jelas dan sahih.

### 3.3.3 Kaedah Analisis Teks

Kaedah bacaan yang pengkaji gunakan bagi memenuhi objektif kajian yang dilakukan dengan penerapan terperinci terhadap struktural teks kajian serta teoritikal bagi merungkai segala persoalan kajian ini.

## 3.4 Proses Pengumpulan Data

### 3.4.1 Kaedah pemerhatian secara tekstual

Data-data terkumpul seterusnya akan digunakan dalam penghasilan kajian ini dengan memetik petikan melalui ayat, ungkapan kalimat, kata-kata, dialog, monolog serta pemaparan interaksi watak yang menonjolkan aspek emosi dan kecerdasan emosi. Menerusi penghasilan kajian ini, data yang diperoleh akan digunakan sebagai asas penelitian terhadap fokus utama kajian iaitu berkenaan aspek kecerdasan emosi yang digagaskan oleh Daniel Goleman (1995).


Setelah proses pembacaan secara teliti dilaksanakan, pengkaji dapat merungkai serta mentafsir semula bentuk-bentuk emosi dan komponen kecerdasan emosi yang wujud dalam jalan penceritaan tersebut. Hal ini perlu diberi penekanan supaya data yang terkumpul dapat memberi penerangan dan penghujahan tentang gambaran bentuk-bentuk emosi dan aspek kecerdasan emosi yang dirungkai dari pemahaman pembacaan teks terpilih.

Peringkat terakhir dimana ke semua data terkumpul dianalisis secara terperinci dengan memberi penerangan semula secara jelas dan mengemukakan bukti melalui data kualitatif. Selain daripada itu, penganalisisan data ini akan dilakukan dengan berpandukan kepada

permasalahan kajian, persoalan dan objektif kajian. Melalui proses analisis data, pembaca akan mengetahui hasil daptan kajian yang diperoleh dari hasil kajian yang dilakukan dengan fokus utama perbincangan iaitu merungkai tahap kecerdasan emosi watan lelaki dalam novel terpilih.

### 3.5 Kaedah Analisis Data

#### 3.5.1 Struktural



Gambar Rajah 1: Muka Hadapan Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba*

Struktural iaitu teks kajian yang dipilih oleh pengkaji adalah sebuah novel hasil karya Ramlee Awang Murshid iaitu *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Pengkaji telah memilih teks tersebut bagi melakukan kajian ke atas tahap kecerdasan emosi watak utama dikhususkan lagi kepada watak lelaki sahaja. Menerusi kajian yang dijalankan oleh pengkaji, bacaan diklasifikasikan sebagai bahan bacaan iaitu novel-novel terpilih bagi pelaksanaan kajian ini. Pengkaji menjalankan kajian bandingan dimana dua


buah novel akan digunakan bagi menghasilkan kajian ini. Pengkaji telah memilih kedua-dua buah novel dari penulis yang sama iaitu Ramlee Awang Murshid dengan tajuk novel dan *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Tujuan bacaan dilakukan adalah bagi memperoleh data kualitatif serta menganalisis menerusi kronologi penceritaan yang dihasilkan oleh pengarang dengan memfokuskan objektif kajian. Dengan melakukan bacaan, pengkaji dapat meneliti kehadiran bentuk-bentuk emosi serta aspek model kecerdasan emosi yang disisipkan dalam teks berkenaan.

### 3.5.2 Teoritikal

Penerapan teori dalam kajian ini adalah kesinambungan yang diperoleh dari isu yang dibangkitkan dari hasil penelitian ke atas teks terpilih iaitu *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Namun demikian, pengkaji juga mengecalkan skop kajian yang memfokuskan hanya kepada watak lelaki sahaja. Sejajar dengan isu yang diketengahkan oleh pengkaji, penggunaan teori kecerdasan emosi oleh sarjana barat iaitu Daniel Goleman telah menjadi penerapan teori yang bersesuaian dengan kajian yang dilakukan.

Pada awalnya Teori Kecerdasan Emosi ini bermula dari kajian neurologi di mana pesakit mengalami kecelakaan otak dan terpaksa buang bahagian amigdala menyebabkan pesakit hilang keupayaan dalam mengekspresikan emosi meskipun IQnya tidak terjejas. Sehubungan dengan itu, Daniel Goleman telah mempopularkan EQ dalam bukunya “*Emotional intelligence*” sekaligus menyedarkan masyarakat tentang pentingnya kecerdasan emosi dalam mendidik anak-anak dan masyarakat dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan dan ketidakseimbangan emosi. Beliau

turut menyatakan bahawa kecerdasan emosi jauh lebih berperanan daripada kecerdasan kognitif tradisional (IQ) melalui hasil penulisan bukunya. Selain daripada itu, menerusi buku hasil penulisan daniel Goleman (1999) yang bertajuk *Working With Emotional Intelligence* memperkenalkan model kecerdasan emosi dengan mengklasifikasikan kepada dua komponen kecerdasan emosi iaitu kecekapan peribadi dan kecekapan sosial. Sehubungan dengan itu, kecekapan peribadi dipecahkan kepada tiga aspek iaitu mengenali emosi kendiri, menguruskan emosi kendiri, memotivasi diri. Manakala kecekapan sosial pula terdiri daripada empati dan kemahiran sosial. Berikut merupakan komponen yang terdapat dalam model kecerdasan emosi diperkenalkan oleh Daniel Goleman diringkaskan dalam rajah dibawah:



Rajah 2: Carta Alir Prinsip Kecerdasan Emosi Daniel Goleman

### 3.5.3 Kecekapan Peribadi

#### 3.5.3.1 Mengenali Emosi Kendiri (*self-awareness*)

Mengenali emosi merupakan fasa dimana individu tersebut berupaya mengenali atau mengklasifikasikan perasaannya ketika mengekspresikan perasaan tersebut. Hal demikian kerana, menerusi pemahaman Daniel Goleman (2002: 64) menyatakan bahawa mengenali emosi kendiri bukan sesuatu tindakan yang disebabkan oleh tindak balas emosi bahkan ianya berlaku hasil daripada tindak balas luar kawal ketika mana seseorang itu berhadapan dengan kecelaruan emosi. Selain daripada itu, mengenali emosi kendiri juga boleh ditakrifkan sebagai kemampuan seseorang dalam mengetahui dan mentafsir emosi yang dirasakan sekaligus memberi ransangan terhadap seseorang itu dalam membuat keputusan sendiri dengan mempertimbangkan kemampuan dirinya. Oleh hal yang demikian, menurut Daniel Goleman (2002: 97) tahap kesedaran kendiri dapat diukur dengan tepat apabila:

- a) Kesedaran tentang kekuatan dan kelemahan dalam diri setiap individu.
- b) Dapat menimba sesuatu daripada pengalaman yang diperoleh.

- c) Dapat membezakan antara yang baik atau buruk serta bersifat keterbukaan dalam pandangan baru bagi meningkatkan prestasi diri.
- d) Mampu menangani kesedihan yang dialaminya.

Kemampuan ini merupakan dasar dari kecerdasan emosi, dimana kesedaran seseorang terhadap emosinya serta kecekapan dalam menanganinya mengikut situasi memaparkan individu tersebut mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi. Sehubungan dengan itu, kesadaran diri membuat kita lebih cakna terhadap suasana hati maupun pemikiran tentang suasana yang dilalui, apabila individu itu kurang kepekaan terhadap suasana hati maka individu menjadi mudah larut dalam aliran emosi dan dikuasai oleh emosi. Kesadaran diri memang belum menjamin penguasaan emosi, namun merupakan salah satu prasyarat penting untuk mengendalikan emosi sehingga individu mudah menguasai emosi.

### **3.5.3.2 Mengurus Emosi Kendiri (*self-regulation*)**

Mengurus emosi dapat dilihat apabila keberhasilan seseorang individu yang mampu menentukan bahawa emosi negatif yang diperolehnya hanya untuk sementara waktu sahaja. Dengan cara ini, individu tersebut dapat mengawal emosi negatif serta dapat menangani dengan segera dan bijaksana dalam melalui situasi tertentu. Sehubungan dengan itu, pengurusan emosi yang baik menunjukkan bahawa seseorang individu itu mencapai keseimbangan dalam dirinya. Bahkan keberhasilan seseorang dalam menjaga emosinya

memperlihatkan kesejahteraan dan pengurusan emosi yang baik. Walau bagaimanapun, Daniel Goleman (2002: 77) telah menyenaraikan lima komponen berkaitan mengurus emosi kendiri ini menerusi penulisannya iaitu pengurusan diri, kebolehpercayaan, sikap berhati-hati, pemikiran relevan dan penyesuaian diri dalam situasi baharu (adaptasi).

### i. Pengurusan diri

Pengurusan emosi kendiri meliputi kemampuan individu dalam menguasai perasaan secara impulsif serta memperlihatkan rembesan emosi yang laju dan teguh menepati situasi yang dilalui. Tambahan pula, dengan kehadiran minda yang sentiasa berfikiran ke arah sesuatu yang positif menyebabkan individu tersebut tidak mudah berputus asa dengan masalah yang menimpa dirinya bahkan berjaya keluar dari situasi yang sukar. Sehubungan dengan itu, pengurusan emosi itu terlihat amat penting apabila seseorang individu itu berhadapan dengan situasi yang genting, namun dengan pengurusan diri yang cekap dapat mengelakkan diri inividu daripada gangguan emosi yang melampau (Goleman, 2002: 130-131).

### ii. Kebolehpercayaan

Rentetan daripada keberhasilan dalam pengurusan diri menyebabkan individu tersebut tergolong dalam kalangan insan yang boleh dipercayai. Hal ini demikian kerana, setiap maklumat yang sampai di telinganya sama ada positif atau negatif, individu tersebut tidak akan bertindak secara melulu hasil daripada didikan terhadap pengurusan emosi kendiri itu sendiri. Dengan cara

ini, seseorang itu lebih tampak sikap integriti dan kejujurannya dalam meneliti cara ekspresi emosinya terhadap pelbagai situasi yang dilaluinya.

### **iii. Sikap berhati-hati**

Di samping itu hadirnya sikap berhati-hati daripada kemampuan seseorang individu itu mengurus emosinya sekaligus menjadikan dirinya sebagai insan yang dipercayai individu lainya. Sikap berhati-hati hasil darupada kecekapan pengurusan emosi turut merangkumi hadirnya sikap bertanggungjawab, memberi komitmen dalam segala urusan kerja yang dilaksanakannya, sentiasa berpegang pada janji, memiliki sikap yang cermat dalam melakukan sesuatu hal mengikut etika tertentu dan menjaga perasaan individu sekelilingnya.

### **iv. Penerimaan dan pemikiran relevan**

Dengan hadirnya sifat keterbukaan dalam menerima perkara baharu, pendekatan dan maklumat terkini memaparkan keupayaan kognitif serta pemikiran relevan dan rasional. Hal ini membawa hasil dalam ketekunan seseorang dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan. Sehubungan dengan itu, menurut pendapat yang diutarakan oleh Daniel Goleman (2022: 150) menyatakan bahawa apabila seseorang individu hanya menumpukan serta melihat perkara remeh sebagai suatu masalah yang besar tidak mampu berfikiran relevan. Namun, sebaliknya bagi individu yang berinovasi mampu mengesan serta mengkalsifikasikan permasalahan sama ada penting atau tidak. Hal ini memperlihatkan individu tersebut mampu mematahkan kesulitan yang diharungainya.

#### v. Penyesuaian diri

Penyesuaian diri dapat dilihat dengan jelas apabila seseorang itu sudah menguasai pengurusan emosi. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, individu yang mampu mengawal emosinya, akan tampak lebih yakin dan kurang rasa cemas apabila memasuki persekitaran yang baharu. Dengan cara ini, pengendalian emosi lebih teratur dan tidak menampakkan kegelutan emosi. Keupayaan seseorang menyesuaikan diri dengan situasi yang baharu merupakan salah satu aspek dalam pengawalan emosi kendiri (Goleman, 2002: 151).

#### 3.5.3.3 Memotivisasikan Diri (*motivation*)

Dalam meraih sesuatu potensi, setiap individu perlulah melalui fasa kesedaran dengan menzahirkan motivasi dalam diri individu. Hal ini bermaksud memiliki ketekunan untuk menahan diri terhadap kepuasan dan mengendalikan dorongan hati, serta mempunyai perasaan motivasi yang positif sebagai contoh, antusiasme, gairah, optimis dan keyakinan diri. Menurut ideologi yang diketengahkan oleh Daniel Goleman (2002: 181-214) secara amnya terdapat empat kemampuan dalam memotivisasikan kendiri yang perlu ada dalam diri setiap individu.

### 3.5.4 Kecekapan Sosial

#### 3.5.4.1 Empati (*empathy*)

Kemampuan untuk mengenali emosi orang lain turut dikenali sebagai empati.

Menurut Goleman kemampuan seseorang untuk mengenali emosi atau perasaan yang dilalui oleh orang lain atau, menunjukkan kemampuan empati hadir dalam diri seseorang. Individu yang memiliki kemampuan empati lebih cakna dalam aktiviti sosial di mana isyarat atau ekspresi tersembunyi serta apa-apa yang diperlukan orang lain sehingga ia lebih mampu menerima sudut pandang orang lain. Selain itu, hadirnya empati membuatkan seseorang itu peka terhadap perasaan orang lain dan lebih mampu untuk mendengarkan orang lain.

Sehubungan dengan itu, Daniel Goleman (2002) berpendangan bahawa setiap individu memiliki tahap empati yang tersendiri dan berbeza cara penerapannya. Kemampuan dalam menilai emosi individu lain merupakan tahap individu terendah. Manakala bagi tahap empati tertinggi memperlihatkan penghayatan seseorang dalam permasalahan serta keperluan individu lain melalui perasaan atau emosi dapat dikenal pasti. Hal ini menunjukkan seseorang itu memiliki sifat empati tertinggi.

### 3.5.4.2 Kemahiran Sosial (*social skills*)

Kemampuan dalam membina hubungan merupakan suatu keterampilan yang mampu menonjolkan diri di khalayak ramai, kepemimpinan dan keberhasilan. Justeru itu, keyakinan dalam berkomunikasi merupakan kemampuan dasar dalam keberhasilan membina hubungan antara manusia. Hal ini demikian kerana, ada kalanya seseorang individu sukar untuk mendapatkan apa yang diinginkannya serta sukar untuk memahami keinginan serta kehendak orang lain. Oleh hal yang demikian, kecerdasan emosi memainkan peranan yang sangat penting dalam keberhasilan individu membina hubungan sesama mereka. Namun demikian selain daripada penekanan terhadap komponen kecerdasan emosi, bentuk-bentuk emosi turut diketengahkan. Oleh hal yang demikian, Daniel Goleman telah menyenaraikan pelbagai bentuk emosi:

#### i. Marah

Marah ditakrifkan sebagai berang, kejam, zalim, geram, murka dan mampu ke tahap yang lebih teruk apabila tahap kemarahan tidak lagi dapat dibendung.

#### ii. Sedih

Perasaan huba, pilu, kehilangan, kedukaan hingga membuatkan seseorang meratapi kesedihan tersebut hingga membawa kepada tekanan emosi dan depresi

**iii. Takut**

Sifat kebimbangan, kerisauan, kegelisahan, resah hingga menunjukkan tanda-tanda secara fizikal iaitu menggeletar yang tidak terkawal membawa kepada trauma atau panik melampau.

**iv. Gembira**


Sifat baik yang memperlihatkan kelegaan, kepuasan hati, bahagia, perasaan menyenangkan yang kuat hingga memiliki rasa ingin menjerit namun perasaan gembira melampau membawa kepada gangguan mental.

**v. Sayang**

Perasaan yang dimiliki oleh semua makhluk bernyawa yang menunjukkan kemesraan, keramahan, keperihatinan, kepercayaan yang menyenangkan orang sekelilingnya.

**vi. Malu**

Perasaan bersalah, sesal, kesal hingga mampu mematahkan hati serta seseorang atau lebih teruk merundumkan tahap keyakinan serta kepercayaan seseorang terhadap orang lain.



Rajah 3: Kerangka Teoritikal

### 3.6 Instrumen Kajian

Instrumen dimana senarai semak yang merujuk kepada pengeluaran data daripada novel pilihan berkaitan dengan bentuk-bentuk emosi. Hal ini dapat dilihat daripada penggunaan bahasa yang membawa kepada pemaparan sesebuah emosi tersebut. Sebagai contoh, emosi sedih dapat diklasifikasi dari wujudnya penggunaan perkataan hiba, sedih, sayu dan sebagainya.

Selain daripada itu, instrumen kajian yang dapat diperoleh daripada pengkelasan data tersebut adalah dari penggunaan intonasi atau nada yang memaparkan simbol tertentu. Simbol tersebut memainkan peranan dalam menunjukkan emosi yang sedang diekspresikan oleh watak lelaki. Sebagai contoh, penggunaan simbol tanda seru yang menandakan watak tersebut sedap memaparkan emosi marah. Selain daripada itu, penggunaan simbol tanda soal yang memaparkan emosi kehairanan atau berbaur kecurigaan terhadap situasi atau seseorang.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 3.7 Rumusan

Natijahnya, bahagian ini merangkumi penerangan berkenaan dengan pelaksanaan kajian yang akan dilakukan. Penggunaan sumber yang sahih bagi mendapatkan maklumat tambahan agar hujahan yang diberikan relevan dan bersumberkan laman yang bertul. Sehubungan dengan itu, rangka kerja juga di rungkai bagaimana perlaksaan selepas data diperoleh serta penggunaan pendekatan kualitatif dan kaedah-kaedah yang digunakan bagi mengumpul data-data. Dengan adanya kerangka kerja, pengkaji mampu menghasilkan kerja dengan teratur dan berpandukan rangka tersebut agar tidak tersasar dari objektif utama kajian dijalankan. Selain daripada itu, penerapan tentang komponen kecerdasan emosi turut diberi penekanan kerana proses seterusnya iaitu pengeluaran data akan dilakukan melalui teks kajian.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 PENGENALAN

Pada bahagian ini, pengkajian merungkai secara terperinci berkaitan dengan data analisis yang dikumpul serta dapatan yang diperoleh hasil dari kajian yang telah dijalankan. Analisis ini dibahagi kepada dua iaitu analisis secara umum dan analisis secara terperinci dengan memfokuskan serta mengaitkan teori yang pengkaji gunakan sebagai sandaran kepada kajian yang dilakukan. Analisis ini dilakukan ke atas dapatan kajian yang diperoleh dimana mengandungi inti pati dan rangkuman keseluruhan ruang lingkup berteraskan objektif kajian yang telah dikemukakan pada bab satu. Sehubungan dengan itu, perbincangan di bahagian ini bertujuan untuk menjawab setiap persoalan dan objektif kajian bagi memberi pemahaman terperinci berkaitan kajian yang ingin dilaksanakan.

Oleh hal yang demikian, penggunaan teks terpilih yang digunakan oleh pengkaji bagi melakukan penelitian kajian bandingan melibatkan dua buah teks iaitu *Tombiruo: Penunggu Rimba* karya Ramlee Awang Murshid. Pemilihan teks diambil sejajar dengan fokus kajian yang dijalankan iaitu menfokuskan watak lelaki, dan pada karya yang dihasilkan oleh Ramlee Awang Murshid mengangkat kaum lelaki sebagai watak utama dalam penghasilan cerita beliau. Manakala, penggunaan Teori Kecerdasan Emosi oleh Daniel Goleman bertujuan untuk meneliti ketersampaian cara pembawakan emosi pada watak lelaki yang disusun oleh penulis Ramlee Awang Murshid pada karyanya yang memiliki kronologi yang berbeza dari segi latar belakang penceritaan.

## 4.2 Bentuk-bentuk Emosi Watak Lelaki Dalam Novel *Tombiruo: Penunggu*

### **Rimba**

#### 4.2.1 Marah

Menurut kamus dewan edisi keempat (2005) marah dapat ditakrifkan sebagai berasa panas hati kerana ditipu, perasaan panas hati, berang, gusar, murka. Sehubungan dengan itu, menerusi emosi tersebut tercetusnya pemikiran yang memberi perlambangan kepada sikap individu hingga dapat menyesuaikan dengan dirinya (Lewis & Jones, 2000). Sejajar dengan genre yang digunakan dalam penghasilan kronologi penceritaan ini menjurus kepada kecenderungan emosi marah yang melahirkan suasana yang getir. Hal ini seringkali berlaku pada bahagian konflik penceritaan dimana penulis Ramlee Awang Murshid menyisipkan emosi marah pada watak lelaki yang sinonim dengan sifat seorang lelaki.

“Sekarang kau cakap, Jalil siapa yang tulis surat ni?” kata Amiruddin meneruskan usahanya untuk membuktikan bahawa bukan dia yang menulis surat berwarna biru iaitu pada Salina.

(*Ramlee Awang Murshid*, 2011:45)

Menerusi petikan di atas yang diambil dari novel Tombiruo menunjukkan emosi marah yang diekspresikan oleh watak utama lelaki dari novel tersebut. Meneliti ke atas petikan dari novel Tombiruo memaparkan babak di mana watak utama iaitu Amiruddin diperangkap dengan sepucuk surat yang dikatakan ditulis oleh beliau, namun demikian dinafikan tuduhan tersebut. Hal ini demikian kerana, surat tersebut berbaur fitnah ini dijumpai oleh Jalil di dalam laci meja belajar Salina. Oleh hal yang demikian, Salina berasa marah dan malu akan kandungan perisian tersebut yang ingin

menyatakan luahan cinta sedangkan mereka masih lagi dibangku persekolahan. Dikatakan bahawa surat tersebut diletakkan oleh Amiruddin di laci meja Salina. Namun demikian, setelah Salina memberi semula surat tersebut kepada Amiruddin, dengan pantas dia dapat mengcam pemilik tulisan tersebut lalu menggertak Jalil sambil memulas tangannya menyebabkan Jalil membuat pengakuan secara terbuka bahawa surat tersebut ditulis olehnya. Di sini dapat kita lihat bahawa penulis Ramlee Awang Murshid menerapkan emosi marah sejajar dengan kebiasaan bagaimana seorang lelaki mengekspresikan emosi tersebut.

#### 4.2.2 Sayang

Definisi sayang pula dapat diterjemahkan sebagai sifat keakraban antara dua insan yang memiliki pertalian yang istimewa. Emosi sayang ini lebih didominasi oleh kaum wanita. Pentingnya kehadiran emosi sayang dalam sesebuah jalan penceritaan dapat menzahirkan sebuah sifat yang mampu menyentuh hati naluri setiap pembaca yang mengamati bait-bait jalan cerita yang disusun indah oleh penulis. Penggunaan emosi sayang secara dominan mampu memberi gambaran akan tema yang diangkat dalam sesebuah kronologi penceritaan secara keseluruhannya. Namun demikian, penulis Ramlee Awang Murshid yang menetapkan genre thriller dalam penghasilan penceritaannya namun penggunaan emosi sayang turut disisipkan bagi menghidupkan sesebuah karakter yang turut memiliki perasaan sebagai seorang insan. Berikut merupakan contoh yang dipetik dari hasil teks terpilih iaitu *Tombiruo: Penunggu Rimba* hasil nukilan Ramlee Awang Murshid:

“Guminavo zou diau!” ucap Amiruddin dalam bahasa Kadazan-Dusun.

(Ramlee Awang Murshid, 2011:511)

Petikan di atas merupakan salah satu babak yang memaparkan emosi sayang dengan meluahkan rasa cinta yang terkubu di dalam hati. Watak utama iaitu Amiruddin menggunakan bahasa Kadazan-dusun dalam menitipkan rasa cinta agar penyampaian lebih berkias dan bukan secara terangan. Situasi tersebut berlaku saat Amiruddin bertemu kembali dengan Wan Suraya yang merupakan wartawan sebuah rancangan televisyen selepas beberapa tahun dan menyatakan isi hatinya terhadap wanita itu. Menerusi petikan tersebut, “*Guminavo zou diau*” membawa maksud sebagai kau cinta padamu. Di sini dapat kita lihat penyampaian emosi sayang melalui cara lelaki lebih bersifat kiasan namun berani melontarkan secara terangan.

#### 4.2.3 Kecewa

Emosi kecewa membawa takrifan sebagai rasa dukacita kerana tidak tercapai cita-cita, harapan atau kehendak dengan kata lain berasa hampa terhadap sesuatu perkara. Namun demikian, emosi kecewa yang dirasai oleh individu dan dipendam begitu lama akan menyebabkan kesedihan yang berpanjangan seterusnya membawa kepada kemurungan. Oleh sebab itu, pentingnya pengelolaan emosi bagi setiap individu agar dapat menguasai setiap emosi.

“Tahniah! Bila kahwin nanti... jangan lupa jemput ya,” kata Amiruddin. Dia cuba menahan rasa kecewanya.

(Ramlee Awang Murshid, 2011:510)

Menerusi petikan yang diambil dari novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* memaparkan situasi di mana emosi kecewa yang diselindung disebalik ucapan tahniah dari Amiruddin kepada Wan Suraya yang berbaur kekecewaan. Hal ini memperlihatkan bagaimana seseorang lelaki itu mengekspresikan emosi kecewa akan tetapi dikaburi dengan ucapan tahniah. Namun demikian, sebaliknya Amiruddin menaruh hati terhadap Wan Suraya. Disini penulis ingin memaparkan cara luahan lelaki yang lebih mementingkan ego berbanding berterus terang.

#### 4.2.4 Gembira

Emosi gembira merupakan emosi yang kebiasaan ada pada setiap manusia serta mengekspresikan dalam sehari-hari. Namun demikian, sejajar dengan fokus utama pengkaji dalam meneliti pembawakan emosi menerusi watak lelaki yang sedia maklum cara pengendalian emosi antara kaum lelaki dan wanita adalah berbeza. Oleh hal yang demikian, menerusi kajian ini, pengkaji merungkai pembawakan watak lelaki dalam mengeksperikan emosi gembira. Sehubungan dengan itu, penelitian ke atas teks pilihan karya Ramlee Awang Murshid berjudul *Tombiruo: Penunggu Rimba* dipetik menerusi teks:

“Bukankah burung kene pijak, mata, sayap, kaki dan badannya berada di bawah kaki. Kena pijak!” Amiruddin tertawa lagi.

(Ramlee Awang Murshid, 2011:315)

Petikan di atas menerangkan tentang babak dimana emosi gembira dipaparkan dengan jelas oleh watak utama cerita ini. Menerusi petikan

tersebut memaparkan situasi ketika Amiruddin memberi jawapan kepada teka-teki yang diajukan oleh Wan Suraya dengan menyakatnya kembali. Berdasarkan kronologi penceritaan ini memperlihatkan hubungan setia kawan yang mula bercambah antara Amiruddin dan Wan Suraya miskipun arwah isteri Amiruddin telah kembali ke rahmatullah. Emosi Amiruddin yang selama ini di selubungi marah dan dendam, kini disiram rasa kasih sedikit demi sedikit.

#### 4.2.5 Sedih

Sedih ditarifkan sebagai rasa sayu hingga menusuk ke kalbu serta menzahirkan melalui fizikal dengan perbuatan menangis menerusi kamus dewan edisi keempat (2005). Sehubungan dengan itu, emosi sedih dapat dilihat memainkan peranan penting dalam hidup seseorang bagi mengekspresikan rasa sedih dari sudut pandang yang berbeza iaitu positif maupun negatif. Sebagai contoh, emosi sedih di zahirkan apabila sesebuah perkara yang mengecewakan berlaku sehingga mengundang rasa sedih. Walau bagaimanapun, emosi sedih turut di zahirkan pada ketika seseorang itu berasa amat gembira atau terharu hingga mengeluarkan tangisan gembira yang menggambarkan emosi sedih dari sudut yang positif. Sehubungan dengan itu, penulis Ramlee Awang Murshid sering kali menyisipkan emosi sedih dalam kronologi penceritaan dalam sesebuah watak sebagai contoh:

“Mak... bawa Amirul balik dulu,” kata Amiruddin kepada ibu mertuanya. “Saya.... saya nak duduk di sini sekejap,” tambahnya lagi. Nada suaranya bergetar menyimpan sendu.

(*Ramlee Awang Murshid, 2011:39*)

Petikan di atas memaparkan unsur sedih yang dimainkan oleh watak utama lelaki iaitu Amiruddin. Kesedihan yang dipaparkan oleh Amiruddin akibat pemergian isteri tercintanya dalam satu kemalangan. Berdasarkan petikan di atas, Amiruddin meminta ibu mertuanya untuk membawa pulang ke rumah anak lelakinya Amirul dari tapak perkuburan. Hal ini berlaku kerana Amiruddin mahu menghabiskan masa terakhir bersama isterinya buat kali terakhir sebelum pergi meninggalkan tapak perkuburan tersebut. Emosi sedih yang dipertontonkan oleh golongan lelaki tidak bersifatnya kerana lebih memendam. Sebagai contoh, Amiruddin tidaklah mengekspresikan dengan tangisan atau raungan namun demikian dapat didengari dari nada suara yang bergetar menandakan kepiluan yang dirasainya.

#### 4.2.6 Curiga

Emosi curiga memainkan peranan yang penting apabila kepelbagai persoalan yang dikemukakan membawa kepada informasi baharu dalam sesebuah penceritaan sekaligus membangkitkan rasa suspen terhadap pembaca. Sehubungan dengan itu, penulis Ramlee Awang Murshid banyak menggunakan emosi curiga dalam sesebuah karakter yang wujud dalam penghasilan ceritanya bagi memvariasikan emosi supaya menimbulkan semangat inkuiri dalam kalangan pembaca. Oleh hal yang demikian, terdapat berapa contoh emosi curiga menerusi kedua dua novel iaitu *Tombiruo: Penunggu Rimba*:

“Kalau sakit... kenapa tidak hubungi ambulans?” Amiruddin memintas.

(Ramlee Awang Murshid, 2011:477)

Merujuk petikan di atas memaparkan emosi curiga yang melanda Amiruddin akan kejadian yang berlaku. Hal ini demikian kerana, Amiruddin telah berjanji untuk mengambil Wan Suraya pada jam lapan pagi di Hotel yang didudukinya untuk dibawa ke rumah keluarga Amiruddin atas jemputan keluarganya supaya bermalam dirumah ibu mertua Amiruddin sebagai tanda maaf. Hal ini demikian kerana, berlaku salah faham antara Wan Suraya dengan ibu mertua Amiruddin.

Namun demikian, perkara sebaliknya berlaku apabila tepat jam lapan pagi Amiruddin di beritahu oleh pelayan hotel tersebut bahawa Wan Suraya telah pun diangkat keluar menaiki kereta Proton biru oleh rakannya kerana tidak sihat. Sehubungan dengan itu, Amiruddin tangkas bertindak menghubungi pihak polis atas kecurigaan yang melanda. Hal ini demikian kerana, Amiruddin yang baru sahaja bersua muka dengan Wan Suraya pada hari sebelumnya menyifatkan keadaan kesihatan Wan Suraya berada dalam keadaan baik sahaja. Oleh itu, kecurigaan yang melanda berakhir dengan sasaran kepada pelaku yang menculik Wan Suraya.

Melalui penerapan emosi curiga ini, dapat kita lihat bahawa kebijaksanaan penulis iaitu Ramlee Awang Murshid dalam menyisipkan emosi curiga pada watak lelaki sejurus pemikiran rasional dalam bertindak menyelesaikan permasalahan yang berlaku.

#### 4.2.7 Tenang

Menurut kamus dewan edisi keempat, emosi tenang memberi takrifan sebagai rasa yang memberi kelapangan kepada dada (Kamus Dewan Edisi Keempat). Di samping itu, emosi tenang mendorong seseorang untuk berada di tahap rasional ketika melakukan sesuatu perkara atau membuat sesuatu keputusan. Sehubungan dengan itu, emosi tenang dianggap penting dalam membentuk kecerdasan emosi seseorang supaya mampu mencapai tahap pengelolaan emosi dengan baik.

“Begini sajalah, kak. Buat masa ini, kita tumpukan dulu mengenai urusniaga Syarikat. Kita teruskan rancangan kita tu. Bila sudah selesai semuanya, barulah kita fikirkan semula perkara ini. Lagipun Abang Omar bukannya ada di sini,” pujuk Amiruddin.

(*Ramlee Awang Murshid*, 2011:323)

Petikan di atas menerangkan tentang situasi dimana watak utama penceritaan novel Tombiruo iaitu Amiruddin banyak menunjukkan emosi tenang dalam sesebuah perbicaraan. Hal ini demikian kerana, golongan lelaki lebih mempunyai kecenderungan untuk mengawal emosi serta berfikir secara rasional. Hal ini memberi impak kepada kecerdasan emosi seseorang sekaligus mampu melontarkan emosi yang tenang walaupun berhadapan saat getir.

#### 4.2.8 Bersyukur

Pengertian bersyukur merujuk kepada rasa syukur, berterima kasih yang membuka-buka dalam diri seseorang atas kelegaan sesuatu perkara berjalan dengan lancar seperti yang diinginkan (Kamus Dewan Edisi Keempat,

2005). Emosi syukur dapat dilihat menerusi pemahaman agama dimana seorang hamba yang rasa amat bersyukur dengan dengan segala takdir yang menjadi persuratan buat hidupnya.

“Syukurlah... Wan dah sembah sekarang. Saya risau,” kata Amiruddin tanpa menoleh ke arah Wan Suraya.

(*Ramlee Awang Murshid*, 2011:429)

Penggunaan emosi syukur dapat dilihat menerusi petikan di atas menerusi watak utama lelaki novel tersebut. Amiruddin meluahkan rasa syukur selepas mendapat perkhabaran bahawa Wan Suraya telah sedarkan diri setelah pengsan akibat terlalu lemah dan mengalami kecederaan fizikal. Hal ini berlaku kerana, ketika penyerahan wang yang diminta oleh penculik bagi melepaskan tahanan mereka iaitu Baizura kakak ipar Amiruddin. Ibu mertua Amiruddin dan Wan Suraya pergi ke tempat yang dijanjikan akan tetapi, sewaktu penyerahan wang tebusan itu penculik tersebut mengetahui bahawa mereka tidak memberi jumlah yang mereka mahukan iaitu lima juta.

Oleh itu, penculik mengugut untuk membunuh Baizura namun dengan rela hati Wan Suraya menyerahkan dirinya sebagai pengganti Baizura. Namun usaha menyelamat telah dilakukan dan Wan Suraya berjaya di selamatkan serta dihantarkan ke hospital dalam keadaan tidak sedarkan diri. Setelah Wan Suraya sedarkan diri terpancar emosi syukur pada watak lelaki iaitu Amiruddin tanpa menoleh ke arah Wan Suraya. Hal ini menunjukkan bagaimana seorang lelaki itu mengekspresikan emosinya.

#### 4.2.9 Yakin

Perkataan yakin membawa takrifan sebagai betul-betul percaya tentang kebenaran, kemampuan, terhadap sesuatu atau seseorang tanpa kehadiran rasa ragu sedikit pun (Dewan Bahasa Pustaka Edisi Keempat, 2005).

“Saya yakin semua ini akan terjawab apabila Dhilip sembuh nanti,” kata Amiruddin lagi.

(Ramlee Awang Murshid, 2011:148)

Emosi yakin banyak diterapkan dalam jalan cerita novel ini disebabkan kerja-kerja membongkar setiap satu jenayah yang menjadi tanda tanya siapakah pelakunya. Menerusi petikan diatas, Amiruddin memaparkan emosi penuh keyakinan bahawasanya apabila Dhilip sedarkan diri segala persoalan akan terjawab. Hal ini demikian kerana, Dhilip merupakan salah seorang yang terlibat dalam jenayah pembunuhan namun dapat diselamatkan dan dirawat di hospital bagi mendapatkan keterangan lanjut. Namun demikian, apa yang diharapkan tidak berpihak kepada Amiruddin bagi memperoleh maklumat dari Dhilip. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, Dhilip dikatakan telah menghembuskan nafasnya yang terakhir, Namun begitu, kematian Dhilip dikatakan pembunuhan secara sengaja dan terancang.

#### 4.2.10 Takut

Takut merupakan sebuah emosi yang dirembeskan apabila berada dalam keadaan atau situasi yang menggerunkan. Oleh hal yang demikian, menurut kamus dewan edisi keempat, emosi takut dapat ditakrifkan sebagai rasa gentar atau gerun dalam menghadapi yang dianggap boleh membahayakan diri.

“Ya ALLAH... berikanlah aku ketenangan atas dugaan-MU ini. Jadikanlah aku golongan orang-orang yang sabar dan Ikhlas menerima dugaan-MU ini. Ya ALLAH. Ya ALLAH.” Kemudian dia mendiamkan diri.

(*Ramlee Awang Murshid*, 2011:499)

Emosi takut kurang diberi penekanan atas sebab perwatakan yang dimainkan oleh Amiruddin adalah berani meskipun dia pernah melihat muka Tombiruo atau Ejim tanpa topeng muka tidak menampakkan sebarang reaksi gentar pada raut wajah Amiruddin. Menerusi petikan di atas memaparkan babak dimana Amiruddin menzahirkan emosi takut kepada Tuhan ketika memanjatkan doa selepas selesai solat fardhu. Perbuatan berdoa seraya merintih menunjukkan rasa takut yang hadir dalam diri seseorang hamba itu lantas memohon dan bergantung harap hanya kepada-Nya.

Hal ini demikian kerana, ketika Amiruddin berdoa telah timbul rasa takut dan gusar dalam hatinya. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, perasaan berbelah bagi terhadap arwah isterinya yang sudah meninggal dunia akan tetapi hatinya pula sudah terbuka menerima wanita bernama Wan Suraya. Hal ini berlaku apabila, pada awalnya Wan Suraya hanyalah wartawan yang mengikuti kes pembunuhan arwah isterinya namun lama

kelamaan telah menambat hati Amiruddin. Oleh sebab itu, dia berdoa meminta pertolongan dari Tuhan agar membuka jalan yang terbaik buatnya.

#### 4.2.11 Benci

Benci merupakan emosi yang menyatakan rasa tidak suka terhadap sesuatu perkara yang berlaku atau situasi yang melanda dan juga rasa benci juga timbul terhadap seseorang secara khusus akibat kelakuan atau perbuatan yang dilakukan (Kamus Dewan edisi Keempat, 2005)

“Bijak menipu... pandai bersandiwarा. TUHAN akan membuka pintu keadilan! Sebijak-bijak tupai melompat!” tegas Amiruddin, mendengus geram.

(*Ramlee Awang Murshid*, 2011:467)

Emosi benci juga banyak diketengahkan kerana sarat dengan peristiwa dendam yang berpunca daripada hasad dengki manusia dalam kalangan saudara sendiri. Menerusi petikan di atas memperlihatkan penggunaan emosi benci yang diluahkan oleh watak utama lelaki iaitu Amiruddin. Sehubungan dengan itu, babak tersebut menunjukkan kebencian yang membukak-buak terhadap hati manusia yang penuh dengan hasad dengki sehingga sanggup melakukan jenayah melibatkan pertumpahan darah ahli keluarganya sendiri demi mendapatkan harta, kekayaan dan pangkat.

#### 4.2.12 Hairan

Emosi hairan diekspreskan ketika melanda perasaan tertanya tanya akan sesuatu perkara atau perbuatan yang dilakukan oleh seseorang. Menerusi Kamus Dewan edisi keempat perkataan hairan membawa takrifan sebagai berasa pelik atau ganjil ketika melihat atau mendengar sesuatu, takjub, kagum.

“Odu kau tu juga meramas kutil yang tumbuh di belakang cuping telinga aku ni, Ondu. Ini bermakna... dia tentu kenal siapa aku, kalua tidak... masakan Odu kau tu tahu ada kutil yang tumbuh di belakang cuping telinga aku ni,” terang Amiruddin.

(*Ramlee Awang Murshid*, 2011:329)

Menerusi petikan di atas emosi hairan dipaparkan apabila timbul persoalan dari maklumat yang disampaikan namun tidak jelas sifatnya. Babak tersebut memaparkan kehairanan Amiruddin terhadap nenek Monsiroi iaitu nenek kepada Ondu. Hal ini demikian kerana, tindakan nenek meramas kutil di belakang cuping telinga menimbulkan tanda tanya kepada Amiruddin bagaimana nenek tersebut mengetahui akan kewujudan kutil tersebut sedangkan mereka tidak mengenali antara satu sama lain. Kebenarannya adalah nenek Monsiroi tahu akan asal usul Amiruddin serta sejarah kelahirannya. Oleh itu, dapat kita lihat penerapan emosi hairan diterapkan oleh penulis bagi menjuruskannya sesuatu persoalan kepada jawapan yang ingin dirungkai.

#### 4.2.13 Malu

Emosi malu sinonim dengan sifat kewanitaan namun demikian golongan lelaki juga turut mengekspresikan emosi malu mengikut situasi yang dialaminya. Oleh hal yang demikian, emosi malu ditakrifkan sebagai malu berasa aib kerana membuat sesuatu yang salah atau tidak sopan sekaligus menzahirkan rasa tidak senang (Kamus dewan edisi keempat, 2005)


“Sudahlah tu Ondu, Cik Wan ni Cuma hendak membantu aku.” Akhirnya amiruddin mencelah.

(*Ramlee Awang Murshid*, 2011:327)

Emosi malu juga antara emosi yang kurang ditonjolkan oleh watak lelaki novel ini. Hal ini demikian kerana, genre yang dibawa dalam penghasilan penceritaan ini adalah lebih kepada aksi, sehubungan dengan itu, fokus penulis adalah berkaitan dengan penyelesaian masalah berikut peristiwa dendam, pembunuhan, penculikan yang mengakibatkan kurang penekanan terhadap emosi malu yang kebiasaanya diekspresikan dalam penceritaan bertemakan romantik. Sehubungan dengan itu, menerusi petikan yang diambil dari novel tersebut memaparkan perasaan malu yang diluahkan secara tidak sengaja berikutan situasi gurauan dari rakan sekerjanya yang mengusik Amiruddin dan Wan Suraya. Hal ini berlaku ketika Wan Suraya memutuskan untuk turut serta berjumpa nenek Monsiroi. Akan tetapi Amiruddin memintas rasa malu dengan mengatakan bahawa Wan Suraya hanya niat hendak membantu sahaja. Situasi ini memaparkan bagaimana emosi malu dikawal oleh golongan lelaki dengan memberi responsif yang bersahaja.

#### 4.3 Kekerapan Bentuk-Bentuk Emosi Lelaki Dalam Novel *Tombiruo: Penunggu*

Rimba Dikaitkan Teori Kecerdasan Emosi Daniel Goleman.



Rajah 4: Carta ringkas berkaitan prinsip kecerdasan emosi Daniel Goleman menfokuskan kecekapan sosial

Rentetan daripada pengeluaran data bentuk-bentuk emosi pada bahagian objektif pertama, membawa kesinambungan pada objektif kedua dimana pengkaji akan mengambil enam bentuk emosi yang di senaraikan oleh Daniel Goleman dari prinsip kecerdasan emosi iaitu kecekapan sosial yang membawa pecahan kepada kemahiran sosial dimana terangkumnya keenam-enam bentuk emosi tersebut. Sementelahan itu, enam bentuk emosi tersebut akan dirungkai kekerapan penggunaan emosi tersebut pada watak lelaki menereusi novel *Tombiruo: Penunggu Rimba*.

### 4.3.1 Kecekapan Sosial

#### 4.3.1.1 Empati

Empati merupakan kemampuan seseorang dalam mengenali emosi orang lain atau orang sekelilingnya. Menurut Goleman dengan kemampuan mengenali emosi orang lain atau dengan kata lain peduli tentang perasaan orang lain menunjukkan rasa empati wujud dalam diri individu yang melambangkan kecerdasan emosi di tahap yang baik. Oleh hal yang demikian, dengan kemampuan mengenali emosi orang lain seseorang itu dapat meneka atau menangkap segala isyarat tersembunyi sehingga mengetahui akan kemahuan atau agenda orang lain.

#### 4.3.1.2 Kemahiran Sosial

Kemahiran sosial merupakan kemampuan seseorang dalam membina hubungan sebagai sebuah keterampilan yang berpaksikan populariti (mencipta nama dalam kalangan masyarakat), jiwa kepimpinan serta keberhasilan dalam komuniti antara satu sama lain. Sehubungan dengan itu, kemahiran seseorang dalam berkomunikasi menjadi asas dalam keberhasilan membina hubungan dalam sebuah komuniti. Tambahan pula menurut Daniel Goleman kemahiran sosial merangkumi pembentukan emosi marah, sedih, gembira, malu, takut dan sayang.

#### 4.3.2 Kekerapan Bentuk-Bentuk Emosi Watak Lelaki Menerusi Novel

*Tombiruo: Penunggu Rimba.*



Rajah 5: kekerapan penggunaan emosi pada watak utama lelaki dari novel *Tombiruo: Penunggu Rimba*

Menerusi rajah di atas menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan emosi yang diterapkan dalam pembikinan watak utama lelaki. Melalui penelitian terhadap teks *Tombiruo: Penunggu Rimba* ini pengkaji mendapati kekerapan penggunaan emosi marah mendominasi melebihi emosi yang lain dengan peratusan sebanyak 27%. Hal ini demikian kerana, kronologi penceritaan yang memaparkan unsur dendam terhadap kematian ayah mertua dan isterinya yang dikatakan pembunuhan terancang. Oleh hal yang demikian, emosi marah lebih banyak diekspresikan oleh watak utama cerita ini iaitu Amiruddin yang seringkali membangkitkan amarahnya terhadap pembunuh yang sengaja merancang jenayah tersebut demi merubut harta keluarga isterinya.

Selain itu emosi sedih pula menunjukkan kekerapan sebanyak 24% kurang 3% daripada emosi marah yang dikira sebagai penggunaan emosi kedua tertinggi yang digunakan oleh penulis. Hal ini berlaku kerana, kemalangan yang dirancang melibatkan ayah mertua dan isteri sehingga berlaku kematian menyebabkan Amiruddin dibelenggu kesedihan. Selain daripada itu, kesedihan yang dirasai oleh Amiruddin dalam mempersoalkan asal usulnya yang tidak diketahui dari mana kerana dia telah asuh oleh keluarga angkatnya sejak kecil lagi. Hal ini menjadi faktor kepada kekerapan emosi sedih meningkat berikutan peristiwa-peristiwa yang tidak diingini berlaku pada watak utama penceritaan novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* ini.

Justeru itu, emosi takut pula memaparkan kekerapan kedua terendah berbanding emosi-emosi lain iaitu dengan peratusan sebanyak 8%. Hal ini demikian kerana, menerusi penelitian pengkaji terhadap jalan cerita novel tersebut kurang memaparkan emosi takut kerana watak utama iaitu Amiruddin mempunyai keperibadian yang berani. Meskipun perlu berhadapan dengan saudara kandungnya yang memiliki rupa paras yang mampu merebahkan sesiapa pun yang melihatnya namun tidak bagi Amiruddin. Sebaliknya beliau masih ingin mendekati Tombiruo (Ejim) kerana teruja menemui keluarga kandungnya. Namun demikian, emosi takut yang dipaparkan menerusi watak utama lelaki adalah emosi takut akan Tuhan. Hal ini dapat dilihat menerusi perbuatan Amiruddin yang bersungguh-sungguh meminta ampun kepada ALLAH akan kegundahan hati yang dirasakan salah disisinya. Hal ini berlaku kerana, saat Amiruddin mula jatuh hati pada wartawan iaitu Wan Suraya dalam tempoh yang masih baharu akan kematian arwah isterinya.

Emosi gembira pula memaparkan kekerapan peratus sebanyak 16% yang dilihat agak rendah berikutan jalan penceritaan yang banyak menyisipkan peristiwa kemalangan. Tambahan pula, watak utama iaitu Amiruddin juga disifatkan sebagai seorang yang serius dan sukar untuk mengukir senyuman. Emosi gembira banyak diterapkan dalam teknik imbas kembali yang digunakan penulis Ramlee Awang Murshid. Penulis banyak menggunakan teknik imbas kembali bagi mengimbau saat-saat gembira ketika isteri Amiruddin masih lagi hidup. Selain daripada itu, emosi gembira turut dipaparkan apabila satu-satunya anak kepada Amiruddin iaitu Amirul menunjukkan telatahnya yang mencuit hati Amiruddin.

Namun demikian emosi sayang terlihat lebih tinggi kekerapannya berbanding emosi gembira iaitu sebanyak 19%. Hal ini demikian kerana, emosi sayang yang dipaparkan oleh Amiruddin banyak diterapkan melalui hubungannya dengan anak lelaki iaitu Amirul. Walaupun masih dirundum kesedihan, namun Amiruddin tetap berusaha untuk memberi kasih sayang kepada satu-satunya anak mereka. Selain daripada hubungan kasih sayang antara bapa dan anak, penulis juga menyisipkan rasa sayang sebagai pengakhiran cerita yang indah buat Amiruddin. Emosi sayang ini diluahkan kepada Wan Suraya diakhir penceritaan dengan penggunaan bahasa Kadazan-dusun. Manakala emosi malu pula memperlihatkan kekerapan paling rendah berbanding emosi lain dengan peratusan sebanyak 6% berikutan pembawaan watak yang tegas dan berani. Selain daripada itu, penerapan emosi malu turut dilihat kurang penggunaannya kerana tema yang ditetapkan oleh penulis Ramlee Awang Murshid tidak memfokuskan unsur romantisme.

#### 4.3.3 Jadual hasil dapatan kekerapan bentuk-entuk emosi watak utama

lelaki menerusi Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba*.

Novel Tombiruo: Penunggu Rimba karya Ramlee Awang Murshid		
Emosi	M/S	Petikan Menerusi Novel
1. Marah (Anger)	42	“aku kenal tulisan ni dan aku tahu siapa yang melakukannya,” gumamnya diselubungi kemarahan.
	45	“cakap! Siapa yang tulis surat ni?” Amiruddin bertanya sekali lagi dengan nada suara yang tinggi.
	172	“Kalau tidak serius... sudah tentu ayah dan Salina masih hidup lagi, kak,” kata Amiruddin. Matanya bulat menumpahkan sinar amarah.
	173	“Karut!” bantah Amiruddin.
	223	“Kalau kau mahu balik, kau baliklah dulu, Ondu. Aku memang mahu jumpa dia,” tegas Amiruddin.
	276	“Siapa? Pembunuhan isteri dan ayah mertuaku!” Amiruddin mendengus kasar.
	277	“Jadi... sebelum kau bertindak lebih jauh lagi atau pun dalam erti kata lain merosakkan keluarga aku, lebih baik kau keluar dari rumah ini pagi esok!” tegas Amiruddin.
	455	“Kalau benar dia yang bunuh Salina... sampai ke lubang cacing pun aku cari dia!”
	467	“Bijak menipu... pandai bersandiwaran. TUHAN akan membuka pintu keadilan! Sebijak-bijak tupai melompat!” tegas Amiruddin, mendengus geram.
2. Sedih (Sadness)	200	“Aku tidak peduli. Yang penting, aku mahu mencari jawapan punca kematian kedua-dua arwah itu, Ondu. Semua orang tidak percayakan aku,” serghah Amiruddin bersuara perlahan tetapi mengandungi ketegasan.
	39	“Saya... saya nak duduk di sini sekejap,” tambahnya lagi. Nada suaranya bergetar menyimpan sendu.

	173	“Sudahlah, Inai. Jangan menangis lagi. Kasihan tengok mendiang Dhilip diratapi seperti itu,” pujuk Amiruddin.
	226	“Maafkan saya Ondu. Aku terlalu mengikut perasaan,” kata Amiruddin mengeluh berat.
	275	“Entahlah. Kadangkala bila difikirkan secara rasional, ia Cuma mengundang derita dan membebankan jiwa saya, tapi selaku manusia biasa, saya tidak mampu menghindari semua itu. Kenangan itu masih segar dalam ingatan saya,” keluh Amiruddin.
	313	“Maaf... kalau sikap saya selama ini menyusahkan Cik Wan. Saya tidak bermaksud begitu. Cuma, fikiran saya agak runsing. Maafkan saya,” kata Amiruddin.
	315	“Sepatutnya saya tidak boleh bersikap begini. Saya seolah-olah membelakangkan takdir ALLAH. Seolah-olah tidak jujur dan ikhlas menghadapi takdir yang menimpa saya.” Amiruddin merintih bicara.
	316	“kadangkala saya berasa terlalu asing hidup di dunia ini. Saya berasa terkilan dan dengki melihat orang lain mempunyai keluarga kandung. Sedangkan saya tidak tahu mengenai keluarga saya yang sebenar. Malah saya tidak langsung mengenali siapa orang tua saya.” Amiruddin meluahkan isi hati selama ini.
	332	“Odu... kalau Odu tahu siapa saya, asal-usul saya, tolonglah ceritakan pada saya, Odu. Dari kecil lagi saya hidup tanpa belaian ibu bapa. Malah saya tidak tahu siapa ibu bapa saya yang sebenarnya. Tolonglah... ceritakan pada saya, Odu.” Amiruddin merayu.
	505	Amiruddin menangis teresak-esak. “Demi ALLAH... aku tidak akan melupakan mu isteriku.

		Sampai mati pun... aku akan tetap sayang padamu! Maafkan aku isteriku.”
3. Ketakutan <i>(Fear)</i>	174	“Saya perlu tahu, doktor. Sebelum Dhilip meninggal dunia, dia terlibat dengan kemalangan yang turut membabitkan ayah mertua dan isteri saya. Tolonglah, doktor,” pinta Amiruddin sungguh-sungguh.
	499	“Ya ALLAH... berikanlah aku ketenangan atas dugaanMU ini. jadikanlah aku golongan orang-orang yang sabar dan ikhlas menerima dugaan-MU ini. Ya ALLAH. Ya ALLAH.” Kemudian dia mendiamkan diri.
	505	“Aku tidak mampu bertahan dalam keadaan begini isteriku. Aku terlalu hipokrit! Sedangkan ALLAH menguji aku dengan perasaan kasih terhadap wanita lain.”
4. Gembira <i>(Enjoyment)</i>	169	“Amir lebih suka bekerja sebagai renjer, kak,” kata Amiruddin berterus-terang.
	258	“Si Amirul tu suka sangat bertanyakan bermacam-macam soalan. Saya tidak menyangkakan dia akan bertanyakan soalan itu pada Cik Wan. Dulu, dia selalu bertanyakan soalan itu pada ibunya,” terang Amiruddin, mukanya merah kerana ketawanya tadi.
	269	“Aaadduhh... errr...” Amiruddin tiba-tiba kesakitan. Amirul melepaskan pautan kedua-dua tangan kecilnya, berhenti ketawa dan memandang muka ayahnya yang tampak berkerut.
	274	“Selalunya... di tempat baru, ada sesetengah orang sukar untuk melelapkan mata. Mungkin suasana di tempat asal agak jauh berbeza, atau mungkin teringatkan kampung halaman dan terkenangkan orang-orang yang dikasihi,” hujah Amiruddin sambil mengulum senyuman.

	315	“Bukankah burung kene pijak, mata, sayap, kaki dan badannya berada di bawah kaki. Kena pijak!” Amiruddin tertawa lagi.
	439	“Terseliuh! Main bola sepak! Sudah tahu kaki bangku... ada hati hendak main bola!” usik Amirrudin.
5. <i>Sayang</i> <i>(Love)</i>	54	“Selamat tinggal sayangku... insya-ALLAH, kita akan berjumpa lagi di Akhirat. Selamat tinggal ayah,” ucap Amiruddin sendiri melayan kepiluan hatinya.
	202	“Aku sudah janji dengan Amirul mahu sembahyang berjemaah malam ini. Lagipun, aku mesti sambung semula pelajaran mengaji mukaddamnya tu,” kata Amiruddin menerangkan.
	254	“Hati-hati sayang!” jerit Amiruddin.
	256	“Hemm... wanginya anak ayah,” puji Amiruddin, mengucup kepala anaknya itu.
	267	“Mahu ayah mandikan Amirul?” Amiruddin tersenyum. Amirul angguk, tertawa kecil.
	268	“Kalau Amirul ingat dan sayang pada Umi, setiap kali selesai sembahyang, Ami mesti berdoa untuk Umi.”
	511	“ <i>Guminavo zou diau!</i> ” ulang Amiruddin.
6. <i>Malu</i> <i>(Shyness)</i>	327	“Sudahlah tu Ondu, Cik Wan ni Cuma hendak membantu aku.” Akhirnya Amiruddin mencelah.
	509	“Err... Wan sudah kahwinkah?” Amiruddin tidak berupaya membendung rasa ingin tahu apabila melihat cincin di jari manis Wan Suraya.

Jadual 1: Pengeluaran Data Kekerapan Bentuk-Bentuk Emosi Lelaki Menerusi Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba*.

#### 4.4 Kepentingan Bentuk-Bentuk Emosi Watak Lelaki Dalam Penghasilan Teks

##### **Kesusasteraan.**

Pengaruh emosi dalam teks kesusasteraan dilihat memberi impak yang besar dalam kehidupan masyarakat melalui hasil pembacaannya. Hal ini demikian kerana, dalam penulisan genre karya sastera memperlihatkan penyisipan emosi bukan sahaja menerusi novel malah turut diimplementasikan menerusi cerita rakyat, cerpen dan sebagainya. Hal ini memberi impak seawal usia kanak-kanak melalui buku-buku fiksyen sekaligus membentuk daya imginatif yang merangsang pemikiran kanak-kanak. Namun demikian, dalam meneliti kepentingan bentuk-bentuk emosi yang memfokuskan golongan lelaki dalam pembikinan teks kesusasteraan dapat membentuk keperibadian individu, memberi pendidikan awal tentang pengurusan atau pengelolaan emosi, merangsang kematangan dalam kemahiran bersosial dan membentuk komunikasi dalam watak penceritaan.

##### **4.4.1 Emosi sebagai Membentuk keperibadian masyarakat**

Umum mengetahui bahawa emosi memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seseorang. Namun begitu, emosi juga dilihat penting dalam keberhasilan sesebuah teks kesusasteraan. Hal ini diperkatakan sedemikian kerana, hasil pembacaan teks sastera khususnya memberi impak kepada pembentukan daya pemikiran pembaca sekaligus menunjukkan tingkah laku berdasarkan pemahamannya terhadap emosi sesebuah watak dalam penceritaan tersebut. Menurut pandangan sarjana Ab. Aziz Yusof (2007) memperihalkan emosi sebagai sebuah kegiatan atau pergolakan yang

berlaku melibatkan pemikiran, perasaan, nafsu yang mencetuskan keadaan mental yang berada di tahap tertinggi.

Sehubungan dengan itu, pengolahan serta penyisipan emosi yang menjurus kepada tindak balas yang positif mampu memberi pemahaman kepada pembaca apabila situasi tersebut dialaminya sendiri. Sebagai contoh, penggunaan emosi marah yang diterapkan menerusi watak lelaki menunjukkan pengendalian emosi tersebut dengan baik mampu menjadi contoh tauladan kepada khalayak khususnya kepada pembaca karya sastera tersebut. Jelaslah bahawa penerapan emosi dalam watak lelaki menerusi pembikinan teks kesusasteraan mampu membentuk keperibadian seseorang.

'Sepatutnya Zaharif duduki SPM'



Gambar Rajah 2: keratan akhbar digital *Utusan Malaysia*

Menerusi keratan akhbar di atas memperlihatkan isu berhubung dengan penjawat awam yang telah melanggar dengan sengaja hingga menyebabkan kematian seorang murid sekolah iaitu Zaharif. Berhubung isu berkenaan memperlihatkan kegagalan seseorang itu dalam

mengelola emosi beliau hingga mendatangkan kemudaratan kepada mangsa. Hal ini demikian kerana, kurang penyisipan elemen kecerdasan emosi dalam kalangan masyarakat hingga bangkit isu sedemikian. Sehubungan dengan itu, pengamatan berkenaan dengan pengelolaan emosi dilihat penting dalam kalangan komuniti menerusi pembacaan karya kesusasteraan.

#### **4.4.2 Emosi sebagai Pendidikan awal pengelolaan emosi**


Selain daripada membentuk keperibadian individu, emosi turut dilihat penting dalam mendidik pembaca supaya dapat mengawal emosi dengan baik. Proses pengawalan perlulah melalui fasa mentafsir serta pengelasan emosi sebelum menunjukkan tindak balas terhadap sesebuah situasi. Hal ini demikian kerana, melalui pembikinan novel tersebut akan wujud watak protagonis dan antagonis yang memainkan peranan dalam mengekspresikan emosi sekaligus mendorong pembaca turut sama mempengaruhi emosi yang dizahirkan dari watak tersebut.

Namun demikian, apabila berlakunya rangsangan emosi pada watak penceritaan hingga menyebabkan para pembaca mengalami emosi, emosi yang dizahirkan tersebut hanyalah daripada rekaan cerita pengarang semata-mata. Oleh hal yang demikian, pembaca mampu mentafsir emosi yang dirasainya dengan realiti sebenar hingga menampakkan kebijaksanaan mengatur emosi tersebut dalam keadaan sedar untuk menerima emosi watak protagonis dan menolak pembawaan emosi watak antagonis. Hal ini diperkatakan sedemikian

kerana, emosi yang disampaikan menerusi perwatakan sesebuah penceritaan tersebut bukan sahaja meliputi penerapan emosi positif malah terdapat juga emosi negatif mengikut kepada ketersampaian yang ingin dilakukan oleh penulis. Menurut ideologi Mana Sikana (1997) mengatakan bahawa setiap konflik penceritaan akan wujud percampuran emosi positif dan negatif. Namun demikian, dengan pemahaman yang mapan berkenaan dengan kecerdasan emosi pembaca mampu mengelola emosi dengan baik. Perkara-perkara inilah yang dikatakan emosi dalam kesusasteraan.

## Kuasa penyembuh karya sastera

Oleh DR KAMARIAH KAMARUDIN 15 Oktober 2023 08:30am **Masa membaca: 4 minit**



Gambar Rajah 3: keratan akhbar digital *Sinar Harian*

Menerusi keratan akhbar yang disunting daripada akhbar digital *Sinar Harian* di *internet* memperlihatkan bahawa karya sastera ini disifatkan sebagai penyembuh kepada golongan remaja atau perlambangan yang lebih dekat dengan mereka adalah “*healing*”. Hal ini disifatkan

sedemikian kerana, adanya elemen serta unsur emosi yang digarapkan dalam pembawaan setiap watak memberi penghayatan lebih kepada pembaca khususnya golongan remaja. Oleh hal yang demikian, terbuktilah bahawa, aspek kecerdasan emosi sangat penting dalam penghasilan sesebuah karya sastera yang mampu mengubah nasib serta pemikiran seseorang di dunia realiti.

#### **4.4.3 Emosi sebagai pengasah Kematangan dalam kemahiran sosial**

Penerapan emosi watak lelaki dalam teks kesusasteraan juga penting dalam mengasah kematangan golongan lelaki khususnya dalam Kemahiran sosial. Hal ini demikian kerana, dengan penerapan kecerdasan emosi dalam sesebuah karya sastera dapat mengubah persepsi atau cara golongan lelaki khususnya dari usia muda dalam penglibatan komuniti setempat. Selain daripada itu, penerapan emosi ini juga dapat melahirkan golongan muda yang mampu menghasilkan karya sastera dengan penerapan kecerdasan emosi yang baik agar dapat menyebarluaskan ilmu positif terhadap khalayak khususnya pembaca.

Namun demikian, ketidakmatangan dalam mengelola emosi mampu meruntuhkan kemahiran sosial dalam kalangan remaja khususnya. Hal ini dapat dilihat menerusi keratan akhbar digital:

Buli trend biasa kalangan remaja?



Gambar Rajah 4: keratan akhbar *Utusan Malaysia*

Menerusi keratan akhbar digital yang disunting dari berita *online* memaparkan isu buli dalam kalangan remaja yang sudah menjadi norma atau kebiasaan antara mereka. Hal ini memeparkan ketidakmatangan remaja tersebut dalam menonjolkan kemahiran sosial yang negatif. Tambahan pula, sikap ini akan melahirkan golongan remaja yang tidak beretika dan tidak beradab sekaligus memberi impak negatif kepada mangsa buli yang kebarangkalian memiliki potensi besar dalam sesebuah bidang. Oleh hal yang demikian, jelas dapat kita lihat kurangnya pendedahan berkenaan dengan kecerdasan emosi dalam kalangan remaja sekaligus memaparkan peranan penting bidang kesusasteraan dalam meneliti inisiatif awal.

#### 4.4.4 Emosi sebagai Medan komunikasi antara pengkarya dan khalayak

Pengolahan emosi dalam teks kesusasteraan juga menjadi sebuah medan perhubungan dua hala antara pengkarya dengan pembaca menggunakan komunikasi melalui penceritaan serta penyisipan komponen emosi yang tepat. Hal ini diperkatakan sedemikian kerana, dalam proses penghasilan karya sastera penulis perlu meneliti kronologi penceritaan yang akan dimainkan oleh watak dengan penggunaan emosi yang bersesuaian dengan jalan ceritanya. Menurut Michael Lewis et. al (2008) mengatakan bahawa setiap individu yang mengamati pembacaan akan dapat merasai keindahan emosi yang terjadi hasil tidak balas daripada emosi yang berlaku dalam sesebuah teks kesusasteraan.

Selain daripada itu, penggunaan bahasa dalam menyusun kronologi penceritaan juga memberi kebergantungan kepada penggunaan emosi. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, hadirnya emosi akan menentukan penggunaan bahasa yang indah dalam mendeskripsikan sesebuah keadaan atau rakaman peristiwa emosi lelaki terserlah dalam sesebuah karya kesusasteraan. Hal ini dapat disokong dengan pandangan dari sarjana barat iaitu Cupchik (2002) yang menegaskan bahawa keindahan emosi yang diterapkan dalam sesebuah karya sastera bergantung kepada penilaian tentang keindahan dalam pengolah bahasa. Jelaslah bahawa, melalui penulisan karya sastera juga mampu menjadi medan berkomunikasi antara pengkarya dan juga pembaca menerusi keberkesanan emosi yang diterapkan dalam penghasilan penceritaan.

## Pembunuhan 'panglima pena' Gaza lahirkan ribuan lagi penyair



Penyair, pengarang seperti Refaat penting dalam usahakekalkan momentum penentangan masyarakat dunia terhadap keganasan rejim Zionis di Gaza.

Gambar Rajah 5: keratan akhbar digital *Berita Harian*

Namun demikian, dalam konteks ini bukan sahaja pengkarya tempatan namun dilihat juga dari perspektif pengkarya luar Malaysia yang mampu memberi inspirasi kepada pengkarya serta memberi pengamatan berkenaan dengan isu yang sedang bergolak di negara luar. Hal ini bukan sahaja memberi permakluman berita, namun turut menjadi sebuah medan yang mampu membentuk emosi, insaniah dan jati diri masyarakat khususnya golongan muda. Menerusi rajah di atas sumber daripada keratan akhbar digital yang memaparkan pengisian tentang pengalaman seseorang yang sudah menempuh saat kesukaran hidup dalam keadaan perang mengubah hasil pemikiran serta ideologi yang disisipkan elemen emosi berdasarkan pengamatan pengalaman beliau diimplementasikan lalu terhasilah karya sastera yang memaparkan elemen emosi yang kuat.

Bukan itu sahaja, dengan penyebaran berkenaan karya yang dihasilkan penulisan tersebut dapat mengangkat karya sekaligus menempa nama pengkarya di persada bidang penulisan kesusastraan dengan pencapaian karya yang dihasilkan. Tambahan pula, penghasilan karya sastera yang berteraskan pengalaman pengkarya mampu menyentuh aspek emosi lebih mendalam sekaligus memberi keberkesanan penyampaian terhadap pembaca..

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.5 Rumusan

Secara rumusnya, penggunaan emosi dari kedua-dua teks pilihan memperlihatkan jurang perbezaan yang tinggi. Sehubungan dengan itu, Hasil dapat daripada penyelidikan ini, pengkaji mendapati bahawa ketepatan penulis Ramlee Awang Murshid dalam penyisipan emosi bagi setiap watak mengikut kronologi penceritaan memberi kesan kepada kecerdasan emosi pembaca yang membaca karya beliau. Selain daripada itu, pengkaji juga dapat menyimpulkan dari hasil kajian bandingan ini bahawa jurang perbezaan antara kekerapan penggunaan setiap satu emosi yang diberi penekanan oleh Daniel Goleman sangat tinggi. Hal ini demikian kerana, berikutan rentetan jalan penceritaan yang membawa perbezaan pada tema menjadi sebab kepada peratusan yang jauh berbeza. Tegasnya, melalui kajian bandingan yang memberi fokus pada kecerdasan emosi memperlihatkan cara pengolahan penulis yang bijak menggunakan emosi pada situasi yang tepat.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 5

### PENUTUP

#### 5.1 Pengenalan

Bahagian ini merupakan bahagian terakhir kajian ini dimana pengkaji akan merumuskan secara keseluruhannya inti pati yang telah dirungkai dan diselidik secara menyeluruh. Selain daripada itu, pengkaji juga akan mengemukakan cadangan yang rasional sekaligus membentuk sebuah konklusi yang memberi refleksi kepada keseluruhan kajian ini. Sehubungan dengan itu, segala perkaitan cadangan dan rumusan mendasari teks kajian ini iaitu *Tombiruo: Penunggu Rimba* dengan penerapan teori Kecerdasan Emosi menerusi sarjana barat iaitu Daniel Goleman. Pemilihan teks bersesuaian dengan fokus kajian yang menumpukan kepada watak lelaki menerusi kedua-dua novel tersebut.

#### 5.2 Hasil Perbincangan

Menerusi kajian yang dilakukan, pengkaji telah memilih sebuah teks hasil penulisan Ramlee Awang Murshid dengan tajuk novelnya iaitu *Tombiruo: Penunggu Rimba* dengan pendekatan Teori Kecerdasan Emosi dari Daniel Goleman. Hal ini demikian kerana, pengkaji ingin melihat sejauhmana keberkesanan emosi yang dimainkan oleh watak lelaki menyentuh jiwa pembaca. Sehubungan dengan itu, pemilihan teks tersebut juga menjayakan fokus pengkaji kerana kedua-dua buah teks tersebut mengangkat golongan lelaki sebagai watak utama penceritaan.

Justeru itu, penggunaan pendekatan Teori Daniel Goleman digunakan bagi merungkai setiap emosi membatasi pemahaman serta ideologi daripada Daniel Goleman itu sendiri. Umum mengetahui emosi yang diekspresikan oleh manusia begitu banyak akan tetapi Daniel Goleman hanya menyenaraikan enam daripada ke semua emosi yang ada. Emosi tersebut adalah marah, sedih, gembira, takut, sayang dan malu. Tambahan pula, melalui perspektif dan pandangan Daniel Goleman terdapat dua cabang utama yang menrangkakan prinsip kecerdasan emosi iaitu kecekapan peribadi dan kecekapan sosial. Kecekapan peribadi meliputi mengenal emosi kendiri, mengurus emosi kendiri dan memotivasi diri manakala kecekapan sosial pula merangkumi sifat empati dan kemahiran sosial. Hal ini memberi perlambangan kepada individu tersebut dalam menilai kecerdasan emosi yang menentukan tahap yang baik atau buruk.

Sudah terang lagi bersuluh, penerapan emosi terhadap penulisan kreatif seperti novel mampu memberi rangsangan serta membentuk keperibadian melalui pengaruh watak yang membawa kepelbagaiannya emosi kepada para pembaca. Namun demikian, penulis juga turut memainkan peranan yang penting dalam mengolah dan menentukan pembawaan emosi setiap karakter mencapai prinsip kecerdasan emosi seperti mana diperkatakan oleh Daniel Goleman. Hal ini demikian kerana, pembawakan watak menerusi karakter sesebuah penceritaan itu mampu memberi perubahan kepada pembawakan emosi pembaca seterusnya mencorak keperibadian seseorang. Selain daripada itu, penggunaan emosi dalam setiap kronologi penceritaan dengan tepat menjurus kepada kefahaman pembaca terhadap apa yang ingin disampaikan oleh penulis. Hal ini demikian kerana, ketika pembaca menghadam setiap kata-kata dari cerita tersebut memberi kesinambungan kepada

imaginasi pembaca sehingga mampu mengekspresikan emosi serta tindak balas secara fizikal seperti menangis, ketawa dan sebagainya.

Dengan terhasilnya penyelidikan ini, memberi kesedaran penulis tempatan mengenai pentingnya penerapan emosi yang teratur menerusi hasil penulisan mereka. Hal ini memberi sedikit sebanyak impak kepada golongan yang lebih memberi penekanan kepada aspek penulisan dan bukan visualisasi. Sebagai contoh, melalui karya hasil penulisan Ramlee Awang Murshid seringkali menyisipkan elemen keislaman yang membawa kepada emosi tenang, bersyukur dan takut akan penciptanya. Hal ini berlaku kerana, latar belakang seseorang penulis mempengaruhi minda yang membentuk sebuah jalan cerita berdasarkan pemikiran seharian mereka. Oleh sebab itu, sebagai penulis perlulah menitikberatkan kefahaman agama yang benar supaya inti sari yang diolah dalam penghasilan karya tidak terpesong malah mendidik pembaca.

Dari perspektif penghasilan kajian ini, pengkaji telah menyempurnakan objektif pertama dengan mengenal pasti ke semua emosi watak lelaki dalam novel *Tombiru: Penunggu Rimba* dengan menyenaraikan emosi tersebut serta memberi takrifan kepada setiap satu emosi yang dijumpai menerusi novel tersebut. Beberapa petikan di ambil dari novel pilihan bagi menjelaskan kewujudan penerapan emosi yang diterapkan menerusi penceritaan bagi mengukuhkan lagi penghujahan yang diberikan. Pengkaji turut menyimpulkan sepintas lalu berkenaan dengan dialog yang dipetik dari novel supaya gambaran kepada penceritaan itu dapat difahami dengan mudah serta memperlihatkan kesinambungan dengan emosi yang disenaraikan.

Pada objektif kedua, pengkaji telah mengkaji emosi watak lelaki menerusi teks pilihan dengan memfokuskan hubungkait senarai emosi yang dikeluarkan oleh Daniel Goleman. Sehubungan dengan itu, antara senarai emosi yang diberi penekanan oleh Daniel Goleman adalah marah, sedih, gembira, takut, sayang dan malu. Melalui senarai enam senarai emosi tersebut, pengkaji telah mengeluarkan kekerapan penggunaan setiap emosi yang diterapkan dalam kronologi penceritaan novel iaitu *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Seterusnya, pengkaji memasukkan data peratusan dalam bentuk carta pai kemudian menghuraikan kekerapan penggunaan setiap emosi dari novel tersebut. Pengkaji mendapati jurang perbezaan yang tinggi bagi setiap emosi berikutan jalan penceritaan yang memberi penekanan yang berbeza.

Pada objektif ketiga pula, pengkaji merungkai hubung kait antara bentuk-bentuk emosi yang disenaraikan pada objektif pertama kemudian melihat kekerapan penggunaan emosi tersebut. Pengkaji lebih menfokuskan penerapan prinsip kecerdasan emosi iaitu kecekapan sosial dengan memperincikan lagi kepada kemahiran sosial yang melibatkan bentuk-bentuk emosi seperti marah, sedih, gembira, malu, sayang dan takut. Menerusi pengumpulan data berkenaan dengan kekerapan penggunaan emosi dari novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* dirungai melalui carta pai dengan menyatakan peratusan setiap emosi yang dipaparkan oleh watak utama lelaki novel tersebut.

Kesimpulannya, terdapat tiga objektif kesemuanya yang telah menjadi persoalan dalam penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji. Hasil dapat daripada penyelidikan ini, pengkaji mendapati bahawa ketepatan penulis Ramlee Awang Murshid dalam penyisipan emosi bagi setiap watak mengikut kronologi penceritaan memberi kesan kepada kecerdasan emosi pembaca yang membaca

karya beliau. Selain daripada itu, pengkaji juga dapat menyimpulkan dari hasil kajian ini bahawa jurang perbezaan antara kekerapan penggunaan setiap satu emosi yang diberi penekanan oleh Daniel Goleman sangat tinggi. Hal ini demikian kerana, berikutan rentetan jalan penceritaan yang membawa perbezaan pada tema menjadi sebab kepada peratusan yang jauh berbeza. Tegasnya, melalui kajian bandingan yang memberi fokus pada kecerdasan emosi memperlihatkan cara pengolahan penulis yang bijak menggunakan emosi pada situasi yang tepat.

### **5.3 Cadangan**

#### **5.3.1 Peranan pengkarya baharu**

Dalam mengutarakan cadangan pengkaji mengharapkan agar penyelidikan ini dapat dijadikan panduan kepada pengkarya sastera baharu dalam penerapan komponen-komponen serta bentuk bentuk kecerdasan emosi seperti yang terdapat dalam teori kecerdasan emosi yang dipelopori oleh Daniel Goleman (1995). Hal ini demikian kerana, elemen-elemen yang terdapat dalam teori kecerdasan emosi dilihat sangat penting dalam pembikinan sesebuah karya serta menjadikan sebuah proses kematangan remaja dalam menentukan kebijaksanaan penyisipan emosi dalam setiap watak dan perwatakan.

Hal ini dikatakan sedemikian kerana, karya sastera memberi pengaruh yang besar dalam membentuk keperibadian serta jati diri seorang remaja kerana terdapat banyak unsur-unsur seperti ilmu dan nilai yang mempunyai perkaitan dengan aspek akhlak dimana mampu mendidik golongan pembaca khususnya dalam kalangan remaja. Oleh sebab itu, kajian berkenaan bentuk-bentuk emosi dalam penghasilan karya dilihat

sebuah ilmu yang penting kepada pengkarya baharu dalam menghasilkan karya yang berkualiti.

Dengan ada kajian ini, pengkarya baharu akan lebih cakna dengan penyisipan bentuk-bentuk emosi dalam penghasilan penulisan mereka. Hal ini akan membawa hasil karya kesusteraan yang tinggi kualiti dan mutunya. Bahkan dapat memberi sumber ilmiah berkaitan dengan cara pengelolaan emosi kendiri. Dengan cara ini, hasil penulisan karya sastera di Malaysia dapat diperluaskan ke peringkat antarabangsa.

### 5.3.2 Peranan penyelidik dalam hasil penyelidikan

Pengkaji juga mengharapkan supaya penyelidikan yang dijalankan ini dapat memberi manfaat kepada penyelidik baharu agar mengetengahkan kajian berkenaan dengan emosi lelaki. Hal ini demikian kerana, sejak dahulu lagi perbincangan berkaitan “*Emotional Intelligence*” sering dibahaskan. Namun begitu, kebanyakkan perbahasan serta kajian dilakukan ke atas kaum wanita sejajar dengan watak dan perwatakan yang ada di dalam sesebuah teks sastera atau profileman. Hal ini demikian kerana, golongan wanita pernah ditindas suatu ketika dahulu dan kini menempa nama di persada antarabangsa tidak mengira bidang dan pekerjaan.

Di sebalik isu yang berlaku, kekurangan kajian tentang watak dan perwatakan lelaki dalam bidang sastera memberi kesukaran dan kekurangan panduan serta rujukan dalam melakukan sesebuah kajian. Hal ini dibuktikan dengan kenyataan Nor Hashimah Jalaluddin & Norsimah Mat Awal (2006:3) bahawa, “banyak kajian telah dilakukan mengenai wanita tetapi sebaliknya bagi lelaki tidak”. Oleh itu, dengan wujudnya penyelidikan ke

atas watak lelaki dapat memberi galakkan kepada para penyelidik agar mengetengah isu emosi dalam konteks jantina lelaki.

Dengan adanya kajian berkenaan emosi lelaki ini, dapat meningkatkan kematangan emosi lelaki dalam kalangan remaja. Hal ini diperkatakan sedemikian kerana, di usia remaja golongan ini masih lagi keliru dan ingin mencari identiti mereka tersendiri. Hal ini membabitkan emosi dalam pada mereka berhadapan dengan sesbuah perkara yang mampu memberi mereka pengalaman baharu sekaligus cara mengekspresikan emosi itu yang akan menampakkan kematangan seseorang lelaki.

### 5.3.3 Peranan dalam pendidikan

Seterusnya, pengkaji juga ingin mengetengahkan agar hasil penyelidikan berkenaan dengan kecerdasan emosi ini dapat memberi manfaat kepada bidang pendidikan khususnya pada subjek Bahasa Melayu pada peringkat menengah dan subjek kesusastraan warisan pada peringkat Pra-Universiti. Sehubungan dengan itu, pihak kementerian pendidikan perlu menambah serta menyisipkan elemen kecerdasan emosi bersama komponen-komponennya dalam silibus pembelajaran agar golongan belia dapat meneliti sesbuah karya berdasarkan kehadiran penerapan unsur-unsur kecerdasan emosi. Dengan cara ini, golongan muda dapat mengesan kehadiran serta impak penggunaan emosi dalam sesbuah karya sastera.

Pada peringkat sarjana pula, pengkhususan berkenaan dengan penerapan teori dalam kritikan sesbuah karya perlu diberi pendedahan lebih awal agak pemahaman berkaitan dengan karya dan juga teori itu memiliki

kesinambungan yang sangat akrab. Dengan cara ini, golongan belia mampu mentakrif sera membedah sesebuah karya bagi merungkai sesebuah konteks mengikut fokus menerusi sesebuah karya kesusasteraan.

#### 5.3.4 Peranan Ibu Bapa

Tuntasnya, pengkaji mengharapkan agar penyelidikan ini turut membantu memberi pemahaman serta kesedaran kepada ibu bapa serta masyarakat khususnya pembaca. Hal ini demikian kerana, melalui kajian berkenaan dengan emosi dalam karya sastera membantu golongan pembaca untuk memilih buku-buku yang tinggi mutunya serta memiliki kecerdasan emosi yang tinggi untuk bahan bacaan anak-anak. Sehubungan dengan itu, ibu bapa juga perlu cakna akan pemahaman tentang kecerdasan emosi serta komponen-komponen yang terdapat dalam teori kecerdasan emosi ini. Hal ini demikian kerana, terdapat banyak karya baharu yang kurang mutunya serta mempunyai unsur picisan. Hal ini akan membawa pengaruh negatif kepada golongan muda yang tidak terdedah dengan konsep kecerdasan emosi. Justeru itu, dengan penguasaan ilmu tentang kecerdasan emosi ibu bapa tidak perlu bimbang tentang akhlak anak-anak kerana remaja yang terdedah dengan kecerdasan emosi berpotensi memiliki tahap “*Emotional intelligence*” yang tinggi sekaligus dapat mengawal diri daripada perkara-perkara yang tidak bermoral.

## 5.4 Implikasi kajian

Hasil penyelidikan ini memberi kesan kepada penambahbaikan bidang kesusasteraan dalam penghasilan karya yang disifatkan tinggi mutunya serta sarat dengan komponen kecerdasan emosi. Dengan wujudnya kajian yang berfokus pada kecerdasan emosi lelaki melahirkan rasa cakna dalam diri pengkarya akan emosi lelaki diberi penekanan dalam penghasilan kronologi penceritaan. Hal ini demikian kerana, penerapan emosi lelaki sedikit sebanyak memberi impak kepada pembentukan peribadi dan akhlak seseorang. Disamping membantu dari aspek kepimpinan dan bijak dalam membuat keputusan.

### 5.4.1 Individu

Tambahan pula, hasil penyelidikan ini dapat dijadikan sumber rujukan atas sebab kurangnya kajian yang dilakukan memfokuskan emosi watak lelaki berbanding emosi watak perempuan yang sudah banyak dijadikan tajuk penyelidikan. Menelusuri bidang penyelidikan pula, mereka lebih tertarik dengan melakukan kajian ke atas emosi wanita yang dikatakan lebih banyak memainkan peranan dalam masyarakat serta penerapan emosi wanita lebih meluas berbanding lelaki. Justeru itu, meskipun lelaki disifatkan sukar untuk memaparkan emosi berbanding wanita namun kehadiran dan penerapan emosi lelaki masih relevan dan dapat membentuk ideologi golongan lelaki dari aspek tindak balas mengikut situasi.

#### 5.4.2 Masyarakat

Di samping itu, dapat memberi kesedaran kepada masyarakat atau komuniti setempat akan kepentingan pemahaman berkenaan dengan komponen kecerdasan emosi yang perlu dipraktikkan dalam diri setiap individu. Sehubungan dengan itu, penyelidikan ini dapat membuka mata dari perspektif kepimpinan dalam sesebuah institusi kekeluargaan dimana ibu bapa berperanan mendidik anak-anak tentang pengelolaan emosi. Dengan cara ini, anak-anak dapat dibentuk dengan sahsiah yang baik serta memupuk kecerdasan emosi yang berada di tahap yang baik.

#### 5.4.3 Negara

Seterusnya dari perspektif yang lebih besar dan luar adalah menerusi kenegaraan yang mampu memperluaskan bidang kesusasteraan ke peringkat yang lebih tinggi. Menerusi kajian yang dilakukan, agensi-agensi yang membawa kerjasama dengan negara luar perlulah bergiat aktif dalam pembikinan buku mengenai kecerdasan emosi. Hal ini demikian kerana, pelopor utama teori kecerdasan emosi ini merupakan sarjana barat yang mengutarakan kepentingan emosi dalam setiap individu namun perkara tersebut tidak diberi penekanan di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, bidang kesusasteraan memainkan peranan penting dalam penyisipan kaedah pengelolaan emosi menerusi penghasilan karya yang memberi santapan ilmiah melalui kronologi penceritaan dan kebijaksanaan penulis dalam menyusun pembawaan watak serta emosi yang sesuai. Dengan cara ini, emosi setiap individu dapat di bendung sekaligus dapat mengurangkan isu depresi dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

## 5.5 Rumusan

Berdasarkan kajian dan analisis data ke atas novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* dengan penggunaan Teori Kecerdasan Emosi dari Daniel Goleman pengkaji berjaya merungkai setiap satu persoalan kepada objektif kajian ini. Antaranya, pengkaji telah mengeluarkan segala emosi yang dipaparkan oleh watak utama lelaki dengan mengeluarkan petikan berkaitan setiap satu emosi tersebut lalu menghuraikan berdasarkan peristiwa tersebut. Menerusi pengeluaran data penggunaan bentuk emosi ini memperlihatkan gaya ekspresi yang dipaparkan golongan lelaki tidak begitu menonjol. Hal ini demikian kerana, lelaki lebih bersifat tenang dan rasional dalam memberi reaksi terhadap sesebuah situasi. Hal ini memperlihatkan gaya pengolahan yang dilakukan oleh pengkarya iaitu Ramlee Awang Murshid sangat berkualiti dengan penerapan kecerdasan emosi yang disisipkan pada watak lelaki novel tersebut.

Selain daripada itu, hasil penyelidikan ini juga, pengkaji dapat membentangkan hasil kekerapan dalam peratusan penggunaan bentuk-bentuk emosi setelah melakukan penelitian serta pembacaan kronologi penceritaan tersebut. Pengkaji juga hanya menekankan prinsip kecekapan sosial dan lebih mengkhususkan lagi pada kemahiran sosial yang melibatkan enam emosi iaitu marah, sedih, gembra, malu, takut dan sayang. Di samping itu, pengkaji turut merungkai kepentingan kecerdasan emosi dalam penghasilan teks kesusastraan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa, kecerdasan emosi sangat penting dalam pembikinan sesebuah karya sastera agar dapat memberi manfaat kepada pembaca serta membentuk keperibadian dan sahsiah dari aspek akhlak dengan baik.

Secara rumusnya, pengkaji berjaya melakukan penyelidikan ke atas isu pembawakan emosi terhadap golongan lelaki secara khususnya. Hal ini memberi

pemahaman yang baharu serta lebih mendalam akan kepentingan melihat aspek kecerdasan emosi pada golongan lelaki. Dengan adanya kajian berkenaan dengan emosi watak lelaki yang julung kalinya dilakukan dapat memberi informasi serta dijadikan rujukan kepada pengkaji lain akan kesinambungan antara kecerdasan emosi dengan mengangkat golongan lelaki sebagai figura yang turut memaparkan elemen kecerdasan emosi.



## Rujukan

- Amrozi, S. R. (2020). Pemikiran daniel goleman dalam bingkai pembaharuan pendidikan islam di indonesia. *Al'adalah*, 22(1), 99-110.
- Arieska, O., Syafri, F., & Zubaedi, Z. (2018). Pengembangan Kecerdasan Emosional (Emotional Quotient) Daniel Goleman Pada Anak Usia Dini Dalam Tinjauan Pendidikan Islam. *Al-Fitrah*, 1(1), 103-116.
- Abdullah, N. A. V., Shukri, F. M., & Rosdi, N. A. N. M. (2021). Hubungan Alam Dan Manusia Dalam Filem Tombiruo: Penunggu Rimba (2017): Relationship Between Nature and Man in Tombiruo: Penunggu Rimba (2017). *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 32(1), 105-117.
- Azmi, M. N. L. (2015). East Meets West: The Reader Response Theory in Thriller Fictions. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 174, 58-63.
- Ali, H. M. (2014). Cinta Sufi Dan Dakwah Ramlee Awang Mursyid: Pengaruhnya Terhadap Pembaca. *Iman*, 13.
- Angelesta, S. A., Tienn, I., & Femmy, D. (2020). *Kecerdasan Emosional Tokoh Kitoo Aya Dalam Novel I Rittoruno Namida* (Doctoral Dissertation, Universitas Bung Hatta).
- Arif Aiman Asrol. (2024, Januari 12). *Buli Trend Biasa Kalangan Remaja?*.  
<https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/buli-trend-biasa-kalangan-remaja/>
- Asliza Musa. (2024, Februari 8). 'Sepatutnya Zaharif Duduki Spm'.  
<https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/sepatutnya-zaharif-duduki-spm-2/>
- Al Baqi, S. (2015). Ekspresi emosi marah. *Buletin psikologi*, 23(1), 22-30.
- A.B Aziz Yusof (2007). *Keinsanan dalam pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. AB

Balakrishnan, A., Arumugam, L., Abd Mutualib, M., Yusof, M. F. M., & Dan Falsafah, T. (2021). UNSUR EUFEMISME DALAM NOVEL SATU JANJI. *PROSIDING*, 55.

Cejudo, J., Rodrigo-Ruiz, D., López-Delgado, M. L., & Losada, L. (2018). Emotional Intelligence and Its Relationship with Levels of Social Anxiety and Stress in Adolescents. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 15(6), 1073.

Dilah, G. (2021). Kecerdasan Emosional Tokoh Perempuan Muslimah Dalam Novel Assalamualaikum Beijing Karya Asma Nadia. *Diglosia: Jurnal Kajian Bahasa, Sastra, Dan Pengajarannya*, 4(1), 37-48

Dr Kamariah Kamarudin. (2023, Oktober 15). *Kuasa Penyembuh Karya Sastera*.

<https://www.sinarharian.com.my/article/629413/berita/cetusan/kuasa-penyembuh-karya-sastera>

Faizah, N. L., & Oemiat, S. (2020). Kecerdasan Emosional Tokoh Totto Chan Dalam Novel Madogiwa No Totto Chan Karya Tetsuko Kuroyanagi Menurut Teori Goleman Sebuah Analisis Psikologi. *LITE: Jurnal Bahasa, Sastra, Dan Budaya*, 16(1), 43-74.

Guntersdorfer, I., & Golubeva, I. (2018). Emotional Intelligence and Intercultural Competence: Theoretical Questions and Pedagogical Possibilities. *UMBC Faculty Collection*.

HM, E. M. (2016). Mengelola Kecerdasan Emosi. *Tadrib*, 2(2), 198-213.

Ismail, N., Abdullah, M. A. R., Rahim, N. A., & Kamarudin, K. (2020). Elemen Latar Dalam Novel Thriller Legasi Tombiruo. *Infrastructure University Kuala Lumpur Research Journal*, 8, 67-79.

Indonesia, R. (2021). Kecerdasan Emosional Dalam Karya Fiksi Asma Nadia. *Jurnal Kredo*, 4(2).

Issah, M. (2018). Change Leadership: The Role of Emotional Intelligence. *Sage Open*, 8(3), 2158244018800910

Juwari, J. (2018). *Konstruksi Kecerdasan Emosional Tokoh Utama Dalam Novel Negeri di Ujung Tanduk Karya Tere Laye* (Doctoral dissertation, Universitas Muhammadiyah Malang).

Kamaruddin, N. H. (2019). *Kecerdasan Emosi Watak Lelaki Menerusi Novel Syabab Musafir Kasih: Karya Fatimah Syarha* (Doctoral Dissertation, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).

Kiffli, S., & Saufi, N. A. R. M. (2021). Elemen-Elemen Adaptasi Dalam Filem Tombiruo: Penunggu Rimba (TPR). *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 9(1), 109-125.

Lewis, M., & Haviland-Jones, J. M. (2000). *Handbook of Emotion* 2nd Edition. New York: The Guilford Press.

Mohamad, M. F., Karim, A. N. B. M., Binti Marajah, N. S., Ismail, W. N. A. W., & Apandi, S. N. A. M. (2022). Unsur Estetika Bahasa Yang Terdapat Dalam Novel Magis Karya Ramlee Awang Murshid.

Madzlan, D. D., Jaafar, N., Daraman, N. A. I., & Ayub, N. F. Difference in Content from Novel Adapted to Film: A Case Study of Tombiruo.

Maznida, M. (2019). *Kecerdasan Emosi Lelaki Dalam Novel-Novel Terpilih Anwar Ridhwan Dan Haruki Murakami: Kajian Perbandingan/Maznida Mahadi* (Doctoral Dissertation, University of Malaya).

Mahadi, M., & Ali, T. I. M. T. M. (2018). Perbandingan Dominasi Bentuk Emosi Lelaki Dalam Novel Penyeberang Sempadan Dengan Kafka on The Shore. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 29(1), 30-50.

Maharam, M. (2005). Isu-Isu Alam Sekitar Dalam Sastera: Analisis Novel Ramlee Awang Murshid. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15, 86-120.

Mana Sikana (1997). *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*. (Peny), Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Micheal Lewis, Jeanette M. Haviland-Jones & Lisa Feldman Barret (2008). *Handbook of emotions*. New York: The Guilford Press

Nisa, A. W. C., & Susandi, A. (2021). Kontribusi Pendidikan Islam Dalam Menumbuhkan Kecerdasan Emosional. *IQ (Ilmu Al-Qur'an): Jurnal Pendidikan Islam*, 4(02), 154-170.

Nazmi Yaakub. (2023, Disember. 11). *Pembunuhan 'Panglima Pena' Gaza Lahirkan Ribuan Lagi Penyair*. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2023/12/1187621/pembunuhan-panglima-pena-gaza-lahirkan-ribuan-lagi-penyair>

Rohmah, B., Suharto, V. T., & Saputro, A. N. (2022). Kecerdasan Emosi Hanum Dalam Novel "I Am Sarahza" Karya Hanum Sr Dan Rangga A. (Kajian Psikologi Sastra). In *Shambhasana: Seminar Nasional Bahasa, Sastra, Dan Pengajarannya* (Vol. 1, No. 1, Pp. 139-151).

Ramlee Awang Murshid. (2011). *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd.

Riyadi, I. (2015). Integrasi Nilai-Nilai Kecerdasan Emosional Dalam Kurikulum Pendidikan Agama Islam Di SMA: Perspektif Daniel Goleman. *HUNAFA: Jurnal Studia Islamika*, 12(1), 141-163.

Saparwadi, S., & Sahrandi, A. (2021). Mengenal Konsep Daniel Goleman Dan Pemikirannya Dalam Kecerdasan Emosi. *Al Musyrif: Jurnal Bimbingan Dan Konseling Islam*, 4(1), 17-36.

Ten, Y. H., & Seng, Y. C. (2013). Kajian Latar Belakang Pengarang Yang Berkaitan Dengan Interpretasi Watak-Watak Lelaki Dalam Fiksyen Jilin Chunqiu. *Journal Of Chinese Literature and Culture 馬大華人文學與文化學刊*, 1(2), 167-191.

Wan Mohd Zain, W. N. (2015). *Kecerdasan Emosi Dalam Novel Remaja/Wan Norlidza Binti Wan Mohd Zain* (Doctoral Dissertation, University of Malaya).

Yaakup, H. S. (2018). Tombiruo: Adaptasi Novel Ke Filem Dan Representasi Kepercayaan Setempat. *Malaysian Journal of Communication*, 34(2), 323-337.

Yudhiyantoro, B. I., & Juliansyah, M. (2022). Kecerdasan Emosional Dalam Perspektif Al-Qur'an. *An-Nahdlah: Jurnal Pendidikan Islam*, 2(1), 1-15.